



D.R. 14 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN**

PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN LIAR

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Singkatan	iii
<u>BAHAGIAN I</u> <i>Pengenalan</i>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> <i>Latar Belakang</i>	
• Latar Belakang	4
<u>BAHAGIAN III</u> <i>Pembentangan oleh Jabatan Perhilitan</i>	
• Pembentangan oleh Jabatan PERHILITAN	5
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>Perbincangan, Pemerhatian dan Syor Jawatankuasa</i>	
• Perbincangan, Pemerhatian dan Syor Jawatankuasa	11
<u>BAHAGIAN V</u> <i>Rumusan</i>	
• Rumusan	18
<u>BAHAGIAN VI</u> <i>Penghargaan</i>	
• Penghargaan	19

LAMPIRAN

- Lampiran A :** Pembentangan Taklimat Ancaman Hidupan Liar di Semenanjung Malaysia oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia.
- Lampiran B :** Siaran Media YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan Dewan Rakyat Parlimen Ke-15.

SINGKATAN

AsESG	<i>Asian Elephant Specialist Group</i>
ASF	<i>African Swine Fever</i>
CDV	<i>Canine Distemper Virus</i>
MAFI	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
MFHLK	Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan
MTCC	Pusat Konservasi Harimau Malaya
NECC	Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan
NRWC	Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Semenanjung Malaysia
PIRECFS	Pelan Induk Rangkaian Ekologi <i>Central Forest Spine</i>
SPARTA	<i>Special Protected Area Response Team</i>
TIDREC	Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika
UKHM	Unit Konservasi Harimau Malaya

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan melalui Penyata Jawatankuasa Pemilih (DR. 2 Tahun 2024) adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan (selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa") berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. meneliti rang undang-undang yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan alam sekitar, sains dan perladangan di bawah tanggungjawab Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensi-agensi di bawahnya;
 - ii. meneliti usul, rang undang-undang persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan alam sekitar, sains dan perladangan di bawah tanggungjawab Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensi-agensi di bawahnya;
 - iii. menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan alam sekitar, sains dan perladangan di bawah tanggungjawab Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensi-agensi di bawahnya; atau
 - iv. melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatanya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023) dan Jawatankuasa Pemilih telah bersetuju untuk melantik YB Kuala Terengganu sebagai ahli Jawatankuasa semula (DR.10 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perlindungan terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim
(Ahli Parlimen Kuala Terengganu merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee
(Ahli Parlimen Sandakan)
- iii. Yang Berhormat Tuan Chow Yu Hui
(Ahli Parlimen Raub)
- iv. Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham
(Ahli Parlimen Beruas)

- v. Yang Berhormat Puan Rodiyah binti Sapiee
(Ahli Parlimen Batang Sadong)
- vi. Yang Berhormat Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien
(Ahli Parlimen Julau)
- vii. Yang Berhormat Tuan Kesavan a/l Subramaniam
(Ahli Parlimen Sungai Siput)
- viii. Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man
(Ahli Parlimen Kubang Kerian)
- ix. Yang Berhormat Dato' Azman bin Nasrudin
(Ahli Parlimen Padang Serai)

Pendekatan Tugas Kerja

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan telah melantik ex-officio daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perladangan dan Komoditi untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat pada hari Rabu, 15 November 2023 bagi mendengar pembentangan dan membincangkan mengenai ancaman hidupan liar di Semenanjung Malaysia oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

1. Pada Mesyuarat Bil. 4 Tahun 2023 yang diadakan pada hari Selasa, 15 Ogos 2023, Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan telah menetapkan untuk membincangkan mengenai isu pengurusan ancaman hidupan liar dalam mesyuarat jawatankuasa.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 10 Tahun 2023 pada hari Rabu, 15 November 2023 telah diadakan bagi mendengar pembentangan dan membincangkan mengenai ancaman hidupan liar di Semenanjung Malaysia oleh Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia. Jabatan PERHILITAN telah memberi taklimat berkenaan pengenalan dan latar belakang Jabatan PERHILITAN, peranan dan fungsi Jabatan PERHILITAN, jenis-jenis konflik manusia-hidupan liar, serangan ke atas manusia/ ternakan, serangan ke atas tanaman/ harta benda, serta kesan konflik manusia-hidupan liar seperti dalam **Lampiran A**.
3. Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan telah mengeluarkan satu siaran media pada 7 Disember 2023 berkenaan insiden-insiden berkaitan ancaman hidupan liar terhadap pengusaha kebun dan ladang di seluruh negara yang dilihat semakin kerap berlaku seperti dalam **Lampiran B**.

BAHAGIAN III

PEMBENTANGAN OLEH JABATAN PERHILITAN

Ringkasan pembentangan dan cadangan-cadangan oleh Jabatan PERHILITAN kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan terhadap isu ancaman hidupan liar adalah seperti berikut:

I. PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR

A. Konflik manusia-hidupan liar

1. Interaksi antara spesies-spesies hidupan liar dengan manusia telah memberi kesan negatif seperti menyebabkan kematian, kecederaan, merosakkan harta benda, kemusnahan pertanian, kematian haiwan ternakan dan menimbulkan rasa ketakutan atas keselamatan orang ramai.
2. Hidupan liar ialah spesies-spesies hidupan liar yang tersenarai di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).
3. Terdapat beberapa jenis konflik manusia-hidupan liar seperti:
 - i. gangguan hidupan liar yang memasuki kawasan penempatan, pertanian, dan perladangan industri;
 - ii. kemalangan yang melibatkan hidupan liar yang disebabkan pembukaan habitat atau hutan bagi tujuan pembangunan tidak terancang yang menyebabkan habitat terpisah dan hidupan liar yang melintas lebuh raya telah mengakibatkan kemalangan; dan
 - iii. serangan hidupan liar buas dan berbisa terhadap manusia akibat diprovokasi atau diancam.
4. Terdapat beberapa punca yang menyebabkan berlakunya konflik manusia-hidupan liar seperti:
 - i. gangguan terhadap habitat asal hidupan liar;
 - ii. pembukaan hutan;
 - iii. peningkatan populasi manusia;
 - iv. pembangunan tidak terancang; dan
 - v. pemburuan haram.

B. Status aduan dan konflik manusia-hidupan liar Semenanjung Malaysia

5. Aduan bagi konflik manusia-hidupan liar yang sering diterima melibatkan spesies Kera, Babi Hutan, Gajah, Musang Pulut, Beruk, Beruang, Harimau Malaya, Harimau Kumbang, Lotong Cengkong dan Biawak.
6. Selangor, Perak dan Johor merupakan tiga buah negeri yang paling kerap menerima aduan konflik kehidupan liar bagi tahun 2019 sehingga September 2023 dengan rekod 13,116, 7,094 dan 7,038 aduan, masing-masing.
7. Statistik serangan kehidupan liar ke atas manusia bagi tahun 2019 sehingga September 2023 merekodkan 18 kematian akibat serangan Babi Hutan, 10 kematian akibat serangan Gajah, 5 kematian akibat serangan Harimau Malaya, 9 kematian akibat serangan Ular Tedung, Beruk, Kera, Lotong dan lain-lain spesies ular konflik.
8. Antara spesies utama yang terlibat dalam kemalangan jalan raya bagi tahun 2019 sehingga September 2023 iaitu Biawak Air sebanyak 491 kes, Kera sebanyak 456 kes, dan Musang spp. sebanyak 278 kes.

C. Statistik serangan kehidupan liar ke atas tanaman

9. Jumlah serangan kehidupan liar ke atas tanaman bagi tahun 2019 sehingga September 2023 menunjukkan sebanyak 3627 kes telah direkodkan ke atas tanaman pertanian dan perladangan, 2189 kes serangan ke atas tanaman buah-buahan dan 204 kes serangan ke atas sayur-sayuran.
10. Serangan kehidupan liar ke atas tanaman menunjukkan negeri Johor mencatatkan kes serangan tertinggi iaitu sebanyak 1891 kes, diikuti Kelantan sebanyak 1200 kes, dan Pulau Pinang sebanyak 959 kes. Jumlah keseluruhan serangan adalah sebanyak 6020 kes.
11. Kerugian akibat serangan kehidupan liar ke atas tanaman bagi tahun 2019 sehingga September 2023 dianggarkan berjumlah RM 45,293,410.00, dengan kerugian tertinggi dicatatkan oleh negeri Kelantan sebanyak RM 21,279,522.00.
12. Kerugian bagi tanaman pertanian dan perladangan adalah sebanyak RM 41,742,00, bagi buah-buahan adalah sebanyak RM 3,567,058.00, dan bagi sayur-sayuran adalah sebanyak RM 2,350.00.

D. Statistik serangan hidupan liar ke atas ternakan

13. Jumlah serangan hidupan liar ke atas ternakan bagi tahun 2019 sehingga September 2023 merekodkan 1847 kes. Kes tertinggi direkodkan 1138 kes serangan ke atas ayam, diikuti dengan 489 kes serangan ke atas lain-lain ternakan, 126 kes serangan ke atas lembu dan 59 kes serangan ke atas kambing atau biri-biri.
14. Negeri Johor merekodkan serangan tertinggi ke atas ternakan iaitu sebanyak 1320 kes, diikuti Pulau Pinang dengan 154 kes dan Pahang dengan 112 kes.
15. Kerugian akibat serangan hidupan liar ke atas ternakan bagi tahun 2019 sehingga September 2023 dianggarkan berjumlah RM 1,724,871.00, dengan kerugian tertinggi dicatatkan oleh negeri Kelantan sebanyak RM435,223.00.
16. Kerugian tertinggi bagi lain-lain ternakan atau haiwan peliharaan adalah berjumlah RM 798,224.00, diikuti oleh ternakan lembu berjumlah RM 585,273.00, dan lain-lain.

E. Statistik serangan hidupan liar ke atas harta benda

17. Jumlah serangan hidupan liar ke atas harta benda bagi tahun 2019 sehingga September 2023 merekodkan sebanyak 6700 kes dengan kes tertinggi dicatatkan serangan ke atas lain-lain harta benda sebanyak 6229 kes, diikuti 303 kes serangan ke atas struktur rumah dan 123 kes serangan pagar.
18. Negeri Johor merekodkan serangan hidupan liar ke atas harta benda tertinggi iaitu 2823 kes, diikuti Selangor, 1678 kes Pahang, 978 kes dan Pulau Pinang, 962 kes.
19. Kerugian akibat serangan hidupan liar ke atas harta benda bagi tahun 2019 sehingga September 2023 dianggarkan berjumlah RM 1,673,674.00, dengan kerugian tertinggi dicatatkan oleh negeri Johor sebanyak RM 473,920.00.
20. Kerugian harta benda melibatkan lain-lain harta benda dianggarkan berjumlah RM 1,226,551.00, struktur rumah adalah berjumlah RM 224,689.00, struktur pagar adalah berjumlah RM 150,020.00.

II. TINDAKAN JABATAN DALAM MENANGANI KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR

F. Tindakan-tindakan yang telah diambil

21. Pusat Konservasi Harimau Malaya dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan telah ditubuhkan di Lanchang, Pahang bagi menyelaraskan tindakan pengurusan Konflik Manusia-Harimau dan Konflik Manusia-Gajah di seluruh Semenanjung Malaysia.
22. Terdapat 9 tindakan strategik bagi Konservasi Harimau Malaya telah dilaksanakan.
23. Kempen kesedaran awam berkaitan Konservasi Hidupan Liar terutamanya bagi Harimau Malaya dan Gajah telah dijalankan.
24. Pusat Menyelamatkan Hidupan Liar di Sungkai, Perak telah ditubuhkan bagi tujuan menyelamatkan dan pembiakan Harimau Malaya.
25. Aktiviti pemantauan dan kawalan bagi aduan konflik hidupan liar daripada orang awam telah dijalankan.
26. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perosak Tumbuhan Peringkat Nasional Bilangan 1 pada 18 Ogos 2023 telah dilaksanakan bagi membincangkan isu ancaman hidupan liar di kawasan pertanian dan perladangan.
27. Program penguatkuasaan secara rondaan penguatkuasaan di kawasan *hotspot* pemburuan haram dalam *Biodiversity Protection and Patrolling Program* (BP3) telah dijalankan sejak tahun 2020.
28. Analisis penyakit seperti *African Swine Fever* (ASF) dan *Canine Distemper Virus* (CDV) telah dijalankan di Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan dengan kerjasama Jabatan Veterinar serta Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC).
29. Program pemantauan pergerakan Gajah dan Tapir telah dijalankan secara pemasangan kolar satelit.
30. Terdapat papan tanda amaran, *speed breaker*, pembinaan *animal viaduct* telah didirikan dan *amber light* telah dipasang di kawasan *hotspot* lintasan hidupan liar bagi mengurangkan risiko *roadkill* terhadap hidupan liar dan nyawa manusia.

G. Tindakan strategik untuk menyelamatkan populasi spesies Harimau Malaya

31. Berdasarkan *First National Tiger Survey* (1st NTS) dari tahun 2016 hingga 2020, mendapati jumlah Harimau Malaya adalah kurang daripada 150 ekor. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021 telah merangka tindakan strategik untuk menyelamatkan populasi spesies Harimau Malaya.
32. Tujuan tindakan strategik ini adalah untuk menghentikan penurunan populasi Harimau Malaya, meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan dalam melaksanakan konservasi Harimau Malaya dan memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya.
33. Antara 9 tindakan strategik yang telah dilaksanakan ialah:
 - i. meningkatkan rondaan penguatkuasaan dan pengawalan (*Boots on the Ground*);
 - ii. memperkukuhkan *Special Protected Area Response Team* (SPARTA) sebagai Pasukan Taktikal Khas Konflik Harimau Malaya;
 - iii. meningkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan habitat Harimau Malaya;
 - iv. menubuhkan pasukan petugas kebangsaan bagi konservasi Harimau Malaya;
 - v. menubuhkan biro jenayah hidupan liar di bawah Polis Diraja Malaysia;
 - vi. menubuhkan Unit Konservasi Harimau Malaya (UKHM) di bawah Jabatan PERHILITAN;
 - vii. mengukuhkan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan;
 - viii. menyediakan insentif kewangan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri; dan
 - ix. meningkatkan pengurusan habitat Harimau Malaya melalui skim akreditasi.

III. CABARAN DALAM PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR

34. Terdapat kesan pembangunan yang tidak seimbang dalam isu guna tanah terutamanya melibatkan habitat hidupan liar.
35. Terdapat kekurangan kakitangan dalam pengurusan konflik hidupan liar dan pengawalan penguatkuasaan di dalam hutan.
36. Terdapat isu pencerobohan hutan dan pembunuhan haram terhadap hidupan liar khususnya Harimau Malaya.

37. Terdapat isu penyakit zoonotik yang menjangkiti hidupan liar seperti Virus Nipah, ASF dan CDV.
38. Terdapat kekurangan hidupan liar pemangsa kepada Harimau Malaya seperti Rusa Sambar dan Babi Hutan.

IV. HALA TUJU

39. Permohonan penambahan kakitangan telah dibuat melalui cadangan penstrukturan semula organisasi Jabatan PERHILITAN dalam pengurusan hidupan liar termasuk pengurusan konflik.
40. Meneruskan dan memperluaskan *Biodiversity Protection and Patrolling Program* (BP3) di keseluruhan habitat hidupan liar.
41. Memastikan semua projek ladang hutan di dalam Rangkaian Ekologi dan sekitarnya perlu mematuhi Panduan Zon Pertanian Pemuliharaan seperti dinyatakan dalam Bab 7, Jilid 1, Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS).
42. Mengadakan sesi libat urus bersama pihak pemegang taruh yang berkepentingan di negeri-negeri dalam mengatasi isu guna tanah yang tidak seimbang dan konflik hidupan liar.
43. Aktiviti kesedaran awam kepada masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan hidupan liar dan tanggungjawab sosial perlu ditingkatkan.
44. Skim bantuan kewangan atau insurans sebagai bantuan pampasan terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil atau ladang dan para penternak yang mengalami kerugian akibat gangguan hidupan liar dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFI) serta agensi lain yang berkepentingan disediakan.

BAHAGIAN IV

PEMERHATIAN, PERBINCANGAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor seperti berikut:

I. ANCAMAN KEPUPUSAN HARIMAU MALAYA

1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa jumlah Harimau Malaya di Semenanjung Malaysia adalah kurang daripada 150 ekor. Harimau Malaya yang terdapat di Semenanjung Malaysia adalah berbeza dengan Harimau di Thailand dan Myanmar.
2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat tiga faktor yang mendorong harimau untuk menyerang manusia iaitu:
 - i. harimau yang cedera;
 - ii. harimau yang sudah tua dan tidak mampu mengejar mangsa; dan
 - iii. harimau yang mempunyai anak kecil.
3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa belang pada badan Harimau Malaya adalah unik dan menjadi identifikasi bagi setiap Harimau. Pemasangan perangkap kamera secara sistematik adalah bagi memantau pergerakan haiwan dan membuat statistik jumlah harimau.
4. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat kerjasama antara penyelidik Malaysia dan antarabangsa bagi membiakkan Harimau Malaya ke nilai optimum iaitu 350 hingga 400 ekor. Selain itu, terdapat *Malaysian Tiger Conservation Center* di Sungkai yang menjalankan pembiakan Harimau Malaya.
5. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pada kebiasaannya, Harimau Malaya akan putus susu, mengajar anak berburu dan mencari pasangan dari Oktober hingga Februari setiap tahun. Selain itu, Harimau Malaya boleh hidup dengan cuaca sejuk kerana mempunyai bulu yang tebal.
6. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Harimau yang ditangkap akan dibawa ke National Wildlife Rescue Centre di Sungkai untuk dijadikan baka. *National Tiger Survey* yang dijalankan selama lima tahun di kawasan seluas 44,000 kilometer persegi, dengan lebih daripada 2000 *camera traps* dipasang dan memperoleh lebih daripada tiga juta gambar.

II. ANCAMAN GAJAH LIAR

7. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa setiap aduan mengenai serangan hidupan liar yang diterima akan diberi perhatian, namun ia akan mengambil masa untuk diselesaikan.
8. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kos untuk menangkap dan mengalihkan Gajah adalah lebih daripada RM 60,000 seekor. Namun prosedur tersebut akan dilakukan berdasarkan kesesuaian lokasi dan keadaan kawasan. Lokasi yang tidak sesuai boleh menyebabkan Gajah tersebut jatuh, pengsan, patah leher, mati atau jatuh ke dalam sungai.
9. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa langkah awal yang perlu diambil adalah dengan menghalau Gajah dari kawasan yang diganggu, kemudian kakitangan akan dihantar untuk mengawal kawasan terbabit. Apabila keadaan sesuai, Gajah akan ditembak (*dart*) dan jatuh, seterusnya pasukan yang terbabit akan mengambil dan memindahkan Gajah ke kawasan habitat yang lebih luas. Operasi ini memerlukan lebih daripada 30 orang dalam satu pasukan dan situasi ini kerap terjadi di Pahang, Terengganu, Johor, Kelantan dan Perak.
10. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa jika terdapat aduan gangguan Gajah dan perlu ditangkap, maka ia akan ditangkap. Namun sebolehnya Gajah tidak akan ditangkap kerana ia melibatkan kos yang tinggi serta tidak dapat menyelesaikan masalah di kawasan tersebut. Gajah memerlukan kawasan yang luas sekitar 100 hingga 400 kilometer persegi.
11. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kebanyakan ladang-ladang yang dibuka terutamanya di Kelantan tidak mendapatkan pandangan dan penglibatan Jabatan PERHILITAN pada peringkat awal. Oleh demikian, pihak Jabatan PERHILITAN tidak dapat memberi nasihat yang sewajarnya seperti keperluan untuk mewujudkan koridor Gajah.
12. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tiada penyelarasan berkenaan pembukaan ladang dan pengurusan habitat antara Kementerian Perlindungan dan Komoditi dan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.
13. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sehingga kini negeri Kelantan masih belum menerima PIRECFS disebabkan isu tanah.
14. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jabatan PERHILITAN adalah di bawah Kerajaan Persekutuan, namun pengurusan habitat adalah di bawah Kerajaan Negeri.

15. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sesetengah kawasan perlu dikekalkan bagi tujuan perlindungan. Namun begitu, Kerajaan Negeri masih tetap untuk membuka kawasan tersebut. Apabila timbul isu seperti ini, hanya Jabatan PERHILITAN dipersalahkan. Justeru, Jabatan PERHILITAN mencadangkan tanggungjawab ini perlu digalas secara bersama dengan semua pihak yang terlibat.
16. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat panduan penyediaan zon riparian seperti dinyatakan di dalam Bab 7, Jilid 1, PIRECFS.
17. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat konsep kewujudan bersama (*coexistence*) dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan Gajah 2023-2030, di mana perlu mengambil kira keberadaan Gajah di kawasan tersebut dan memahami keperluan ekologi dan biologi.
18. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa *coexistence* adalah sejajar dengan pendekatan di peringkat antarabangsa dan Asian Elephant Specialist Group (AsESG) disebabkan kekurangan habitat Gajah akibat ketidakseimbangan aktiviti guna tanah bagi tujuan pembukaan ladang pertanian.
19. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apabila membuka kawasan baru, keseimbangan antara kepentingan biodiversiti dan warisan negara perlu diberi keutamaan berbanding kepentingan pembangunan.
20. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat 13 buah negara seperti di Thailand, Myanmar, India, Sri Lanka yang mempunyai tradisi menjinakkan Gajah yang diwarisi secara turun-temurun. Walau bagaimanapun, tradisi tersebut tidak wujud di Malaysia. Sekiranya budaya ini diperkenalkan di Malaysia, kemungkinan tiada sambutan memberangsangkan kerana pulangan keuntungan yang lambat dan kos penyelenggaraan Gajah sangat tinggi di mana kira-kira 200 kilogram makanan sehari diperlukan bagi seekor Gajah.
21. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jabatan PERHILITAN sedang merangka perancangan seperti melatih *Mahout* Gajah dan menambahkan bilangan kakitangan.
22. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat konflik berkaitan dengan Gajah Borneo di kawasan perladangan Sabah. Tindakan yang diambil adalah bekerjasama dengan Sabah Softwoods Berhad bagi mengasingkan sejumlah kawasan untuk dijadikan sebagai koridor untuk Gajah. Dengan terbentuknya koridor ini, Gajah tidak lagi mengganggu kawasan tanaman dan masyarakat tempatan dapat meraih manfaat melalui aktiviti eko-pelancongan apabila pelancong ingin melihat kumpulan Gajah tersebut. Justeru, pendekatan *living landscape approach* di Sabah terbukti berkesan, namun isu utama yang perlu dihadapi adalah bagaimana untuk mengekalkan habitat dan koridor yang diperlukan oleh Gajah.

23. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya penyelarasan antara pembukaan ladang dan pengurusan habitat hidupan liar dapat dilaksanakan.**
24. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya pandangan daripada Jabatan PERHILITAN perlu diambil kira sebelum pembukaan ladang dilaksanakan.**
25. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya polisi bersepadu perlu diwujudkan bagi memelihara dan memulihara habitat hidupan liar dan tindakan undang-undang perlu diambil kepada mana-mana pihak yang mencerooboh kawasan tersebut.**
26. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar perlu diperkenalkan oleh Jabatan PERHILITAN dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran, contohnya, *mahout* Gajah.**
27. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya pemeliharaan kawasan habitat untuk hidupan liar perlu diimbangi antara keperluan manusia (seperti pembukaan ladang dan perumahan) dan habitat hidupan liar.**

III. ANCAMAN KERA

28. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa ancaman Kera berlaku akibat Kera telah terbiasa dengan makanan bukan semula jadi yang kerap diberikan. Selain itu, makanan manusia yang dimakan oleh Kera turut menyumbang kepada pembiakan Kera. Terdapat tindakan yang diambil bagi mengawal populasi seperti penangkapan dan penakaian.
29. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jabatan PERHILITAN melalui Program Pemandulan Kera menggunakan teknik *Chemical Castration* yang berkesan pada Kera jantan telah dilaksanakan pada tahun 2009-2011. Enam buah negeri yang menerima aduan Kera tertinggi iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Pahang, Melaka, Perak dan Johor. Walaupun Kera tersebut tidak dapat membiak, namun ia masih mengganggu manusia.
30. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat aduan yang tidak munasabah telah diterima seperti situasi Kera melintas di atas wayar dan aduan terus dibuat, walaupun situasi sebenar adalah Kera tersebut hanya ingin melintas ke kawasan hutan bersebelahan. Selain itu, terdapat aduan palsu dan bercanggah dalam kalangan ahli komuniti berkaitan dengan Kera.
31. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Kera bermasalah yang ditangkap akan ditakai (*put to sleep*) bagi mengawal populasi Kera bermasalah di kawasan *hotspot* konflik manusia-Kera.

32. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa populasi Kera adalah secara semula jadi dan vakum, iaitu apabila kawasan tersebut tiada populasi Kera tetapi terdapat sumber makanan, kumpulan Kera lain akan memasuki kawasan tersebut.
33. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sehingga kini, Jabatan PERHILITAN tidak pernah menjalankan penangkapan dan pemindahan Kera ke lokasi lain. Hal ini terjadi disebabkan oleh tekanan terhadap habitat yang semakin berkurangan dan ketidakmampuan haiwan untuk bermigrasi ke kawasan lain.
34. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat cadangan untuk mengeksport Kera. Namun terdapat halangan daripada Badan Bukan Kerajaan (*Animals Right*) yang membuat membantah di Parlimen, dan Kabinet telah memutuskan untuk melarang aktiviti pengeksportan Kera sehingga kini.
35. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat sebilangan individu yang mencadangkan untuk mengeksport Kera, dengan jangkaan keuntungan yang signifikan pada tahun ketiga dan keempat. Walau bagaimanapun, tekanan di peringkat antarabangsa juga dijangka akan berlaku. Tambahan pula, banyak negara seperti India dan China telah mengamalkan larangan mengeksport Kera.
36. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa selain Kera yang ditakai, Gajah dan Harimau yang menyerang dan mengancam nyawa manusia juga akan ditembak mati. Hal ini disebabkan apabila Harimau mula memakan manusia, ia akan cenderung untuk memburu manusia sahaja.
37. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa habitat asal bagi Kera (*long-tailed macaque sp.*) terletak di persisiran pantai dan kebiasaannya memakan ketam. Harimau Dahan merupakan pemangsa semula jadi Kera. Namun, apabila habitat Kera telah hilang, Harimau Dahan akan memasuki kawasan perkampungan untuk mencari makanan. Tambahan pula, Harimau Dahan juga menjadi sasaran pemburu disebabkan nilai di pasaran yang tinggi. Oleh itu, jumlah pemangsa bagi Kera semakin berkurangan.
38. **Jawatankuasa mengambil serius isu ancaman Kera yang sedang berlaku di dalam negara dan mengesyorkan satu kajian perbandingan pengurusan ancaman Kera di negara lain supaya langkah drastik perlu diambil untuk mengatasinya.**

IV. ANCAMAN BABI HUTAN

39. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa untuk mengeksport Babi Hutan ke luar negara tiada pasaran kerana antara syarat-syarat yang dikenakan ialah hanya generasi ketiga Babi Hutan sahaja dibenarkan untuk dieksport.
40. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa lesen menembak Babi Hutan telah dibuka semula, dan akan diwartakan.
41. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa individu yang ditangkap kerana menjual daging Babi Hutan adalah mereka yang tidak memiliki lesen berniaga. Individu yang memiliki lesen berniaga tidak akan menghadapi masalah untuk berjual beli di mana-mana negeri.
42. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat kekangan untuk merentas antara negeri bagi mengawal penyebaran penyakit di bawah pengurusan Jabatan Veterinar. Walau bagaimanapun, bagi pihak Jabatan PERHILITAN tiada halangan untuk merentasi negeri.
43. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa melalui lesen yang dikeluarkan, Jabatan PERHILITAN mampu mengawal pemegang-pemegang lesen supaya tidak menyalahgunakan kebenaran untuk memburu binatang liar lain seperti Kijang.
44. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa babi hutan merupakan makanan utama kepada Harimau Malaya selain rusa dan kijang. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN, apabila habitat semakin mengecil, taburan makanan harimau juga semakin berkurang. Ini mengakibatkan harimau akan mencari makanan lain.
45. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat perangkap dipasang sebagai salah satu kaedah kawalan babi hutan di kawasan perkampungan. Selain itu, terdapat juga pasukan yang menembak atau menghalau babi hutan.

V. ANCAMAN PENYAKIT BERJANGKIT

46. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa penyakit *African Swine Fever* (ASF) berasal dari Afrika dan virus ini dibawa oleh Babi Hutan dan sebagainya.
47. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa penyakit ASF hampir sama dengan penyakit *Canine Distemper Virus* (CDV). CDV adalah penyakit yang disebabkan oleh jangkitan virus CDV kepada haiwan mamalia khususnya spesies *canine* di mana ia turut boleh menjangkiti Harimau Belang.

VI. KEKURANGAN KAKITANGAN JABATAN PERHILITAN

48. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa setakat ini, hanya 1300 orang kakitangan bagi pengurusan konflik manusia-hidupan liar dan penguatkuasaan dalam hutan adalah tidak mencukupi. Justeru, Jabatan PERHILITAN mengemukakan cadangan sekurang-kurangnya 3000 orang kakitangan diperlukan bagi menguruskan aduan dan mengatasi isu konflik yang berlaku dengan lebih berkesan.
49. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya program jangka pendek, sederhana dan panjang perlu diadakan bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat dan kakitangan Jabatan PERHILITAN.**

BAHAGIAN V

RUMUSAN

1. Ancaman Hidupan Liar merupakan isu yang sering kali terjadi dan turut mengancam nyawa orang awam. Konflik antara manusia dan hidupan liar perlu ditangani secara menyeluruh untuk memastikan semua pihak yang terlibat tidak diabaikan dan menjadi mangsa.
2. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa mengesyorkan perkara-perkara seperti berikut:
 - i. penyelarasan antara pembukaan ladang dan pengurusan habitat hidupan liar dapat dilaksanakan;
 - ii. pandangan daripada Jabatan PERHILITAN perlu diambil kira sebelum pembukaan ladang dilaksanakan;
 - iii. polisi bersepadu perlu diwujudkan bagi memelihara dan memulihara habitat hidupan liar dan tindakan undang-undang perlu diambil kepada mana-mana pihak yang menceroboh kawasan tersebut;
 - iv. inisiatif bagi menjinakkan hidupan liar perlu diperkenalkan oleh Jabatan PERHILITAN dan dikembangkan sebagai satu bidang kepakaran, contohnya, *mahout* Gajah;
 - v. pemeliharaan kawasan habitat untuk hidupan liar perlu diimbangi antara keperluan manusia (seperti pembukaan ladang dan perumahan) dan habitat hidupan liar;
 - vi. satu kajian perbandingan pengurusan ancaman Kera di negara lain supaya langkah drastik perlu diambil untuk mengatasinya; dan
 - vii. program jangka pendek, sederhana dan panjang perlu diadakan bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat dan kakitangan Jabatan PERHILITAN.

BAHAGIAN VI

PENGHARGAAN


1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai Isu Pengurusan Ancaman Hidupan Liar.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan yang telah meneliti mengenai Isu Pengurusan Ancaman Hidupan Liar.
3. Selain itu, Jawatankuasa ini merakamkan penghargaan kepada Kementerian dan agensi seperti berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air;
 - iii. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam;
 - iv. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
 - v. Kementerian Perladangan dan Komoditi; dan
 - vi. Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

**LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN**

PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN LIAR

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Pembentangan Ancaman Hidupan Liar di Semenanjung Malaysia oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia	1
2	Lampiran B	Siaran Media YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perlindungan Dewan Rakyat Parlimen Ke-15	23







PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR


PERHILITAN

KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR

Merujuk kepada: 'interaksi antara spesies-spesies hidupan liar dengan manusia dan memberi kesan negatif yang mana antaranya; Menyebabkan, kematian, kecederaan, kerosakan harta benda, kemusnahan tanaman pertanian, kematian haiwan ternakan dan menimbulkan rasa ketakutan atas keselamatan orang ramai. Hidupan liar yang dimaksudkan ialah spesies-spesies hidupan liar yang tersenarai di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]'

KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR

HABITAT
HILANG /
MENGECIL

+

HIDUPAN
LIAR MASUK
KE KAWASAN
MANUSIA

=

KONFLIK
MANUSIA-
HIDUPAN
LIAR



TERHAD 6



PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR



PERHILITAN

JENIS KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR



GANGGUAN HIDUPAN LIAR

- Hidupan liar memasuki kawasan penempatan, pertanian, perladangan, industri



KEMALANGAN MELIBATKAN HIDUPAN LIAR

- Pembukaan habitat / hutan bagi tujuan pembangunan menyebabkan habitat terpisah
- Hidupan liar melintas jalan raya / lebuh raya mengakibatkan kemalangan



SERANGAN HIDUPAN LIAR

- Hidupan liar buas dan berbisa menyerang manusia akibat diprovokasi atau diancam
- Gajah menyerang manusia / tanaman
- Harimau Malaya membaham ternakan

PUNCA KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR




GANGGUAN HABITAT ASAL



PEMBUKAAN HUTAN



PENINGKATAN POPULASI MANUSIA



PEMBANGUNAN TIDAK TERANCANG




PEMBURUAN HARAM



TERHAD

7



STATUS ADUAN DAN KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR SEMENANJUNG MALAYSIA

SENARAI SPESIES HIDUPAN LIAR KONFLIK

Bil.	Spesies
1	Kera
2	Babi Hutan
3	Gajah
4	Musang Pulut
5	Beruk
6	Beruang
7	Harimau Malaya
8	Harimau Kumbang
9	Lotong Cengkong
10	Biawak
11	Lotong Cenekah
12	Lain-lain sp. Burung konflik
13	Tapir
14	Buaya
15	Ular Sawa
16	Kelawar
17	Harimau Dahan
18	Lain-lain spesies
19	Lain-lain sp. Ular konflik
20	Memerang Licin
21	Burung Hantu
22	Ular Tedung
23	Burung Helang
24	Kucing Batu
25	Burung Layang-layang
26	Musang Tenggalong

PERHILITAN

TERHAD
9

ADUAN KONFLIK HIDUPAN LIAR MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2019-SEPTEMBER 2023

STATISTIK ADUAN KONFLIK HIDUPAN LIAR
TAHUN 2019-SEPTEMBER 2023

PERHILITAN

Negeri	Bilangan Aduan
Selangor	13,116
Perak	7,094
Johor	7,038
Pahang	4,857
Negeri Sembilan	4,356
Kedah	4,318
Kelantan	3,930
Terengganu	3,716
Pulau Pinang	2,838
Wilayah Persekutuan	2,736
Melaka	2,354
Perlis	1,211
Jumlah Keseluruhan	57,564

TERHAD
10

STATISTIK SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS MANUSIA



STATISTIK SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS MANUSIA TAHUN 2019-SEPTEMBER 2023



PERHILITAN

Bil.	Spesies	2019		2020		2021		2022		JAN-SEPT 2023		Jumlah
		Cedera	Meninggal dunia	Cedera	Meninggal dunia	Cedera	Meninggal dunia	Cedera	Meninggal dunia	Cedera	Meninggal dunia	
1	Ular Kapak	165	0	150	0	113	0	129	0	105	0	662
2	Babi Hutan	36	0	42	4	87	6	38	4	45	4	266
3	Ular Tedung	40	0	24	0	26	1	23	2	21	0	137
4	Kera	5	0	4	0	20	0	11	0	11	1	52
5	Beruk	7	2	2	0	9	0	6	1	4	0	31
6	Gajah	1	1	1	2	2	2	2	2	3	3	19
7	Lotong	1	0	2	1	3	0	1	0	3	0	11
8	Lain-lain sp. Ular konflik	0	0	4	1	1	0	0	0	3	0	9
9	Beruag Matahari	0	0	0	0	1	0	0	0	7	0	8
10	Ular Katam Tebu	2	0	0	0	0	0	3	0	2	0	7
**11	Harimau Malaya	0	0	0	0	1	0	0	1	1	4	7
12	Biawak	0	0	0	0	1	0	2	0	1	0	4
13	Ular Sawa	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
14	Musang	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	2
15	Harimau Kumbang	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1
16	Burung Helang	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1
17	Harimau Dahan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
18	Memerang Licin	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
JUMLAH		259	3	230	8	267	9	215	10	208	10	1,221

**10 SPESIES UTAMA YANG TERLIBAT DALAM KEMALANGAN
JALAN RAYA TAHUN 2019-SEPTEMBER 2023**



PERHILITAN



Bil.	Spesies	2019	2020	2021	2022	JAN-SEPT 2023	Jumlah	Kumpulan
1	Biawak	105	115	134	77	60	491	Reptilia
2	Kera	101	107	89	94	65	456	Mamalia
3	Musang	55	61	66	57	39	278	Mamalia
4	Babi Hutan	57	83	102	94	22	358	Mamalia
5	Kucing spp.	27	14	30	22	14	107	Mamalia
6	Ular spp.	20	28	29	42	18	137	Reptilia
7	Tapir	12	24	23	15	18	92	Mamalia
8	Lotong	8	7	8	11	7	41	Mamalia
9	Burung spp.	3	3	5	11	5	27	Avifauna
**10	Harimau Malaya	0	0	0	0	1	1	Mamalia

TERHAD

13

**STATISTIK SERANGAN
HIDUPAN LIAR KE ATAS
TANAMAN**





ANGGARAN KERUGIAN AKIBAT SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS TANAMAN TAHUN 2019-SEPTEMBER 2023			 PERHILITAN
BIL.	JENIS TANAMAN	JUMLAH (RM)	
1	Tanaman Pertanian / Perladangan	41,724,002.00	
2	Buah-buahan	3,567,058.00	
3	Sayur-sayuran	2,350.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		45,293,410.00	
			TERHAD 17

ANGGARAN JUMLAH KERUGIAN MENGIKUT NEGERI 2019-SEPTEMBER 2023			 PERHILITAN
BIL.	NEGERI	JUMLAH (RM)	
1	Kelantan	21,279,522.00	
2	Pahang	12,660,599.00	
3	Johor	4,773,105.00	
4	Terengganu	4,735,668.00	
5	Perak	754,792.00	
6	Kedah	607,180.00	
7	Pulau Pinang	436,404.00	
8	Melaka	17,850.00	
9	Selangor	9,350.00	
10	Perlis	9,300.00	
11	Negeri Sembilan	8,000.00	
12	Wilayah Persekutuan	1,640.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		45,293,410.00	
			TERHAD 18



STATISTIK SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS TERNAKAN





ANGGARAN KERUGIAN AKIBAT SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS TERNAKAN TAHUN 2019-SEPTEMBER 2023

PERHILITAN

BIL.	JENIS TERNAKAN	JUMLAH (RM)
1	Lain-lain ternakan / Haiwan peliharaan	798,224.00
2	Lembu	585,273.00
3	Kambing / Kambing Biri-biri	135,402.00
4	Ayam	115,722.00
5	Sarang Kelulut	49,200.00
6	Kerbau	23,000.00
7	Ikan	13,500.00
8	Anjing	4,550.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		1,724,871.00

TERHAD 22

ANGGARAN JUMLAH KERUGIAN MENGIKUT NEGERI 2019-SEPTEMBER 2023



PERHILITAN



BIL.	NEGERI	JUMLAH (RM)
1	Kelantan	435,223.00
2	Kedah	337,500.00
3	Pahang	255,847.00
4	Johor	230,612.00
5	Perak	170,050.00
6	Terengganu	144,760.00
7	Negeri Sembilan	82,382.00
8	Pulau Pinang	58,099.00
9	Wilayah Persekutuan	7,225.00
10	Perlis	2,200.00
11	Melaka	500.00
12	Selangor	473.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		1,724,871.00

TERHAD

23

STATISTIK SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS HARTA BENDA





ANGGARAN KERUGIAN AKIBAT SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS HARTA BENDA TAHUN 2019-SEPTEMBER 2023			 PERHILITAN
BIL.	JENIS HARTA BENDA	JUMLAH (RM)	
1	Lain-lain harta benda	1,226,551.00	
2	Struktur Rumah	224,689.00	
3	Struktur Pagar	150,020.00	
4	Bangsai	53,330.00	
5	Struktur Sekolah	7,134.00	
6	Kenderaan	6,950.00	
7	Struktur Pejabat	2,800.00	
8	Surau	1,200.00	
9	Struktur Kedai	1,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		1,673,674.00	TERHAD 27

ANGGARAN JUMLAH KERUGIAN MENGIKUT NEGERI 2019-SEPTEMBER 2023			 PERHILITAN
BIL.	NEGERI	JUMLAH (RM)	
1	Johor	473,920.00	
2	Pulau Pinang	314,153.00	
3	Pahang	240,320.00	
4	Kelantan	189,900.00	
5	Selangor	179,692.00	
6	Perak	101,511.00	
7	Perlis	87,650.00	
8	Kedah	28,730.00	
9	Wilayah Persekutuan	28,800.00	
10	Melaka	17,800.00	
11	Terengganu	11,198.00	
12	Negeri Sembilan	0.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		1,673,674.00	TERHAD 28

KESAN-KESAN ANCAMAN HIDUPAN LIAR



SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS MANUSIA YANG MENAKIBATKAN KECEDERAAN



Harimau Kumbang
Sg. Siput, Perak (2021)



Kera
Sg. Pelek, Sepang,
Selangor (2022)




Beruang
Kuala Berang, Terengganu
(2023)

TERHAD 30

SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS MANUSIA YANG MENAKIBATKAN KEMATIAN



Gajah
Kg. Simoi Lama, Kuala Lipis
Pahang (2022)



Harimau Malaya
Gua Musang, Kelantan
(2022)



Gajah
Kg. Tual, Pos Sinderut,
Pahang (2023)

TERHAD

31

KEMALANGAN JALAN RAYA MELIBATKAN KEMATIAN HIDUPAN LIAR



Kuala Berang-Aring(2019)



Mersing, Johor (2020)



Jejebu, Negeri Sembilan
(2022)

TERHAD

32

KEMALANGAN JALAN RAYA MELIBATKAN KEMATIAN HIDUPAN LIAR



Puncak Alam, selangor
(2023)



Kuala Krai, Gua Musang
(2023)



Lebuhraya PLUS Arah
Utara (2023)

TERHAD

33

SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS TERNAKAN / HAIWAN PELIHARAAN



Harimau Malaya
Ulu Tebrau, Johor (2023)



Harimau Malaya
Ladang Sawit FGV, Tawai 1,
Perak (2023)



Harimau Kumbang
Ulu Beting, Negeri
Sembilan (2023)

TERHAD

34

SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS TANAMAN



Gajah
Felda Bukit Tongkat,
Johor (2022)



Gajah
RPT Sg. Terah, Gua
Musang, Kelantan (2023)



Beruang Matahari
Sg. Besar, Selangor
(2023)



Gajah
Kuala Betis, Gua Musang,
Kelantan (2023)

TERHAD 35

SERANGAN HIDUPAN LIAR KE ATAS HARTA BENDA



Kera
Felda Jengka 24, Maran,
Pahang (2019)



Gajah
Kluang, Johor (2023)



Gajah
Felda Aring 8, Gua
Musang, Kelantan (2023)

TERHAD 36

TINDAKAN JABATAN DALAM MENANGANI KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR



TINDAKAN-TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL	 PERHILITAN
1 Menubuhkan Pusat Konservasi Harimau Malaya (MTCC) dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (NECC) di Lanchang, Pahang bagi menyelaraskan tindakan pengurusan Konflik Manusia-Harimau dan Konflik Manusia-Gajah di seluruh Semenanjung Malaysia;	6 Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perosak Tumbuhan Peringkat Nasional Bil. 1 (18/8/2023) - Isu Ancaman Hidupan Liar Di Kawasan Pertanian dan Perladangan;
2 Pelaksanaan 9 Tindakan Strategik bagi Konservasi Harimau Malaya;	7 Menjalankan program penguatkuasaan secara rondaan penguatkuasaan di kawasan <i>hotspot</i> pemburuan haram dalam <i>Biodiversity Protection and Patrolling Program (BP3)</i> sejak tahun 2020;
3 Menjalankan kempen kesedaran awam berkaitan Konservasi Hidupan Liar terutamanya Harimau dan Gajah;	8 Menjalankan analisa penyakit seperti <i>African Swine Fever (ASF)</i> dan <i>Canine Distemper Virus (CDV)</i> di Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan dan bekerjasama dengan Jabatan Veterinar serta Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC);
4 Menubuhkan Pusat Menyelamat Hidupan Liar (NRWC) di Sungkai, bagi tujuan menyelamatkan dan pembiakan Harimau Malaya;	9 Menjalankan program pemantauan pergerakan Gajah dan Tapir secara pemasangan kolar satelit;
5 Menjalankan aktiviti pemantauan dan kawalan apabila menerima aduan konflik hidupan liar daripada orang awam;	10 Mendirikan papan tanda amaran, <i>speed breaker</i> , pembinaan <i>animal viaduct</i> serta pemasangan <i>amber light</i> di kawasan <i>hotspot</i> lintasan hidupan liar bagi mengurangkan risiko <i>roadkill</i> terhadap hidupan liar dan nyawa manusia.

9 TINDAKAN STRATEGIK UNTUK MENYELAMATKAN POPULASI SPESIES HARIMAU MALAYA

First National Tiger Survey (1st NTS) (2016 – 2020)

➤ **≤150** Harimau ➤


Mesyuarat Jemaah Menteri
16 Jun 2021

➤ **9**

Tindakan Strategik untuk Harimau Malaysia

Menghentikan Penurunan Populasi Harimau Malaysia

- 1 Meningkatkan Rondaan Penguatkuasaan dan Pengawasan (*Boots on the Ground*)
- 2 Memperkukuhkan *Special Protected Area Response Team* (SPARTA) sebagai Pasukan Taktikal Khas Konflik Harimau Malaysia
- 3 Meningkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Habitat Harimau Malaysia



Meningkatkan Tadbir Urus Baik dan Keberkesanan Dalam Melaksanakan Konservasi Harimau Malaysia

- 4 Menubuhkan Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaysia
- 5 Menubuhkan Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah PDRM
- 6 Menubuhkan Unit Konservasi Harimau Malaysia di bawah Jabatan PERHILITAN
- 7 Mengukuhkan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan (MFHLK)

Memastikan Kelangsungan Hidup Harimau Malaysia

- 8 Menyediakan Insentif Kewangan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri
- 9 Meningkatkan Pengurusan Habitat Harimau Malaysia melalui Skim Akreditasi

TERHAD 39

CABARAN DALAM PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR



PERHILITAN

- Kesan pembangunan yang tidak seimbang dalam isu guna tanah terutamanya melibatkan habitat hidupan liar;
- Kekurangan kakitangan dalam pengurusan konflik hidupan liar dan pengawalan penguatkuasaan di dalam hutan;
- Isu pencerobohan hutan dan pemburuan haram terhadap hidupan liar khususnya Harimau Malaysia;
- Isu penyakit zoonotik yang menjangkiti hidupan liar Virus Nipah, *African Swine Fever (ASF)* dan *Canine Distemper Virus (CDV)*;
- Kekurangan hidupan liar pemangsa kepada Harimau Malaysia seperti Rusa Sambar dan Babi Hutan



'MERSI NG'

- 5 Mac 2019 – seekor harimau dilaporkan berkeliaran di kawasan ladang sawit di Mersing, Johor

'DUNGUN'

- Pada 19 Julai 2021 (Awang Besul)
- Kematian berpunca daripada CDV

TERHAD 40

- **Permohonan penambahan kakitangan** melalui cadangan penstrukturan semula organisasi Jabatan PERHILITAN dalam pengurusan hidupan liar termasuk pengurusan konflik
- *Biodiversity Protection and Patrolling Program (BP3)* perlu diteruskan dan diperluaskan di keseluruhan habitat hidupan liar;
- Semua projek ladang hutan di dalam Rangkaian Ekologi dan sekitarnya perlu mematuhi **Panduan Zon Pertanian Pemuliharaan (CAZ) di Bab 7, Jilid 1 (Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine) PIRECFS**;



- **Mengadakan sesi libat urus** dengan pihak pemegang taruh yang berkepentingan di negeri-negeri dalam mengatasi isu guna tanah yang tidak seimbang dan konflik hidupan liar;
- **Meningkatkan aktiviti kesedaran awam kepada masyarakat** tentang kepentingan pemuliharaan hidupan liar dan tanggungjawab sosial;
- Menyediakan **skim bantuan kewangan atau insuran sebagai bantuan pampasan** terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil atau ladang dan para penternak yang mengalami kerugian akibat gangguan hidupan liar dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFI) serta agensi lain yang berkepentingan;



KESIMPULAN



PERHILITAN

"Habitat hidupan liar perlu dikekalkan dan dipelihara kerana ia merupakan harapan terakhir sebagai tempat perlindungan dan kelangsungan hidup Harimau Malaya dan hidupan liar lain."

Sokongan daripada semua pihak sama ada diperingkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-badan Korporat dan masyarakat awam dalam bersama-sama melindungi hidupan liar yang merupakan khazanah negara yang tidak ternilai.



SEKIAN TERIMA KASIH

TERHAD

43

SIARAN MEDIA

**YB DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM
PENGURUS JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN
DEWAN RAKYAT PARLIMEN KE-15**

KUALA LUMPUR, 7 DISEMBER 2023- Jawatankuasa Alam Sekitar, Sains dan Perladangan memandang serius insiden-insiden berkaitan ancaman hidupan liar terhadap pengusaha kebun dan ladang di seluruh negara yang dilihat semakin kerap berlaku akhir-akhir ini. Terbaharu insiden melibatkan seorang pekerja ladang warga Indonesia, Sandra Kirana Sinaga, 39 tahun, yang maut dipercayai dilanyak oleh seekor gajah di Ladang Upayapadu, Sungai Bayu pada Isnin, 4 Disember 2023. Pekerja tersebut dipercayai diserang oleh gajah liar daripada jenis *Elephas Maximus*.

Selain itu, pada Rabu, 29 November 2023 seorang lelaki dilaporkan diserang hendap oleh harimau ketika menoreh getah berhampiran Kampung Kuala Tol, Gua Musang, Kelantan. Sepanjang tahun 2023, empat laporan maut akibat serangan harimau di Gua Musang telah dilaporkan. Jawatankuasa mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa yang terlibat.

Jawatankuasa telah mengadakan satu sesi perbincangan mengenai ancaman hidupan liar bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) pada Rabu, 15 November 2023. Antara isu-isu yang telah dibincangkan termasuklah statistik kemalangan melibatkan hidupan liar dan serangan hidupan liar dan anggaran kerugian akibat serangan hidupan liar ke atas tanaman, ternakan, harta benda dan langkah yang telah diambil oleh PERHILITAN agar risiko insiden serangan hidupan liar dapat dikurangkan.

Jawatankuasa akan terus memantau isu ini dan mengadakan sesi libat urus bersama pihak-pihak yang terlibat untuk memastikan keselamatan pengusaha kebun dan ladang terjamin, pada masa yang sama hidupan liar dapat meneruskan kehidupan di habitat sedia ada.



D.R. 14 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN**

PENGURUSAN ANCAMAN HIDUPAN LIAR

LAPORAN PROSIDING

LAPORAN PROSIDING
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR,
SAINS DAN PERLADANGAN MENGENAI
PENGURUSAN ANCAMAN HAIWAN LIAR

NO.	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN BIL. 10 TAHUN 2023	15 NOVEMBER 2023



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN

**TAKLIMAT MENGENAI ANCAMAN
HAIWAN LIAR DARIPADA JABATAN
PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN
TAMAN NEGARA (PERHILITAN)
SEMENANJUNG MALAYSIA**

BIL. 10

RABU, 15 NOVEMBER 2023

PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN
BIL. 10 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 3,
BLOK SEMENTARA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 15 NOVEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB Datuk Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - *Pengerusi*
YB. Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
YB. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]
YB. Tuan Chow Yu Hui [Raub]
YB. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]
YB. Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

Tidak Hadir

YB. Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong]

URUS SETIA

Puan Siti Mastura binti Oyop [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Antarabangsa dan Penyelidikan), Parlimen Malaysia]
Dr. Siti Aisyah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik Sosial, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik Sosial, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik Sosial, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Ex Officio

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

YBrs. Tuan Mohd Faizal bin Harun [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa)]

YBrs. Dr. Khairul Naim Adham [Timbalan Setiausaha Bahagian (Seksyen Pengurusan Biodiversiti)]

Kementerian Perlindungan dan Komoditi

Encik Ahmad Kamal bin Wasis @Waksis [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Unit Penyelarasan dan Statistik)]

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Dr. Noraisah binti Spahat [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancangan Strategik)]

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Ketua Pengarah]

YBrs. Encik Salman bin Saaban [Pengarah (Bahagian Kawasan Perlindungan)]

YBrs. Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman [Pengarah (Bahagian Konservasi Hidupan Liar)]

YBrs. Encik Noor Alif Wira bin Osman [Pengarah (Bahagian Penguatkuasaan)]

Encik Azhari bin Wahab [Pegawai Khas (Pejabat Ketua Pengarah)]

Puan Hellen Menging Anak Bennett Buan [Penolong Pengarah (Bahagian Konservasi Hidupan Liar)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS ALAM SEKITAR, SAINS DAN PERLADANGAN BIL. 10 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 3,
BLOK SEMENTARA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 15 NOVEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.09 Pagi

*[Yang Berhormat Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim
[mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Kita mula Al-Fatihah, untuk orang Islam. *[Membaca Al-Fatihah]* Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan dan wakil-wakil tetap *ex-officio* yang hadir pada hari ini untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan, Parlimen Kelima Belas, Bil. 10 untuk tahun 2023 ini.

Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir pada hari ini, saya sendiri selaku Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee, Ahli Parlimen Sandakan; hadir. Yang Berhormat Tuan Chow Yu Hui, dia akan hadir sebentar lagi. Dia lewat sedikit. Kemudian, Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham, saya dimaklumkan akan hadir, Ahli Parlimen Beruas. Yang Berhormat Puan Rodiyah binti Sapiee memohon maaf tidak dapat hadir pada hari ini, Ahli Parlimen Batang Sadong. Yang Berhormat Datuk Larry Soon, Ahli Parlimen Julau; Yang Berhormat Tuan Kesavan a/l Subramaniam, Ahli Parlimen Sungai Siput; Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Ahli Parlimen Kubang Kerian dan Yang Berhormat Dato' Azman bin Nasrudin, Ahli Parlimen Padang Serai.

Hadir pada hari ini adalah termasuk *ex officio*. Yang Berusaha Dr. Noraisah binti Spahat– nak tengok siapa dia. *[Ketawa]* Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Yang Berusaha Tuan Mohd Faizal bin Harun, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Encik Ahmad Kamal bin Wasis @ Waksis– ada? Okey, okey, daripada– Ketua Penolong

Setiausaha Kanan Unit Penyelarasan dan Strategik, Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang hadir ke perbincangan pada hari ini. Hari ini, perbincangan kita adalah berkaitan dengan ancaman haiwan liar. Saya difahamkan yang hadir pada hari ini, Yang Berbahagia Dato' Abdul Kadir, ya. Terima kasih datang, ya. Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN. Yang Berusaha Encik Salman bin Saaban, Pengarah Bahagian Kawasan Perlindungan; Yang Berusaha Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Konservasi Hidupan Liar; Yang Berusaha Encik Noor Alif Wira bin Osman, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Encik Azhari bin Wahab, Pegawai Khas Pejabat Ketua Pengarah dan Puan Hellen. Okey.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum semua, agenda hari ini adalah untuk mendengar taklimat dan perbincangan berkenaan dengan ancaman haiwan liar daripada Jabatan PERHILITAN. Ada banyak isu berkaitan dengan apa ini—terutama sekali di peringkat akar umbi, rakyat, berkaitan dengan ancaman haiwan liar. Baru-baru ini, dua orang terkorban— harimau, baru-baru ini, ya. Kemudian, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Mesyuarat bahawa mesyuarat ini tertakluk kepada—sekali lagi, saya ingatkan. Tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Ahli Majlis Parlimen, (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347]. Di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang dibentangkan di hadapan Jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan sehingga Jawatankuasa membentangkan penyata di Dewan Rakyat. Oleh itu, kita mulakan agenda pertama hari ini dengan taklimat ancaman haiwan liar daripada Jabatan PERHILITAN. Silakan.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Ketua Pengarah]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca doa]* Yang Berhormat Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim – Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perlindungan. Yang Berhormat Datuk-datuk, Dato', Dato' Sri, tuan-tuan, puan-puan, Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perlindungan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Jadi hari ini, izinkan saya untuk memberi sedikit taklimat berkenaan ancaman hidupan liar di Semenanjung Malaysia. *Next [Merujuk kepada slaid]* Jadi, pembentangan saya ini akan pergi kepada peranan, fungsi Jabatan PERHILITAN, pengenalan sedikit. Kemudian, jenis-jenis konflik manusia-hidupan

liar, serangan ke atas manusia dan ternakan, kemudian ke atas tanaman, harta benda, kesan-kesan konflik manusia-hidupan liar, *a way forward* dan penutup.

Jadi secara ringkasnya, kita tengok daripada sejarah Jabatan PERHILITAN. Untuk makluman semua, kita *start* daripada 1884 itu, *States Settlement Ordinance* nombor 3, perundangan hidupan liar yang pertama, sampailah tahun 1972, kita ada Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76]. Kemudian, 1980 kita ada Akta Taman Negara 1980. Kemudian, masuk 2008, Akta Perundangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam di bawah Akta 686. Kemudian, 2010 kita ada Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan apa itu— bulan Februari itu hari, kita ada pindaan untuk Akta Hidupan Liar [Akta 676].

Okey. Kita ada misi, visi, objektif dalam masa yang sama. Untuk makluman juga, kita punya visi ialah untuk menerajui konservasi hidupan liar untuk kesejahteraan rakyat dan kita punya misi untuk komited dalam konservasi hidupan liar dan habitatnya untuk generasi akan datang dan kita ada lima objektif seperti yang tertera di TV ini. Okey. Seterusnya— *next*. Fungsi Jabatan PERHILITAN ini, kita ada lapan. Kita ada Bahagian Kawasan Perlindungan, kita ada Bahagian Penguatkuasaan. Kemudian, kita ada Bahagian Konservasi Hidupan Liar. Kemudian, kita ada Konservasi Exsitu. Kemudian, kita ada Taman Zoologi, Rekreasi Alam Semulajadi, Perancangan dan Korporat dan seterusnya, Latihan dan Kesedaran. So, ada lapan fungsi di Jabatan PERHILITAN ini.

Seterusnya— okey. Kita pergi kepada sini, konflik manusia-hidupan liar ini. Jadi, merujuk kepada interaksi antara spesies hidupan liar dengan manusia dan memberi kesan negatif, yang mana antaranya menyebabkan kematian, kecederaan, kerosakan harta benda, kemusnahan tanaman pertanian, kematian haiwan ternakan dan menimbulkan rasa ketakutan atas keselamatan orang ramai. Jadi, hidupan liar yang kita maksudkan ini, yang tersenarai dalam aktalah, Akta 716 ini. So, konflik manusia-hidupan liar ini, bila habitat mengecil, hilang, musnah. Kemudian, hidupan liar masuk ke kawasan manusia, maka terjadilah konflik manusia dan hidupan liar ini. Kita ada beberapa jenis konflik manusia-hidupan liar.

Yang pertamanya ialah gangguan hidupan liar ini. Ini di mana haiwan ini masuk ke kawasan penempatan, pertanian, perladangan dan juga kawasan industri. Kemudian, ada juga melibatkan kemalangan, melibatkan hidupan liar ini seperti pembukaan habitat, penerokaan hutan bagi tujuan pembangunan. Kemudian, hidupan liar melintas di jalan raya. Baru-baru ini, mati seekor harimau dekat sebelah— saya ingat Gopeng, Perak sana itu. Kena langgar tiga, empat hari lepas. Kemudiannya, serangan hidupan liar. Hidupan liar yang buas dan berbisa menyerang manusia, yang akibat kena *provoke* ataupun diancam ataupun gajah

menyerang manusia-tanaman. Gajah menyerang manusia ini, maknanya yang terjadi pada awal tahun lagi di sebelah Raub. Kena pijaklah, meninggal. Kemudian, Harimau Malaya membaham ternakan. Baham orang, baru-baru ini pun.

Jadi untuk makluman, kita dah dapat tangkap dah hari semalam dan harimau itu kita bawa ke *National Wildlife Rescue Centre* di Sungkai untuk kita nak *check*, nak apa, nak semua sekali dan kita nak jadikan dia— jadi baka lah. Kita nak ambil benda itu. Kita sebenarnya- harimau kita ini, setelah kita buat lima tahun *National Tiger Survey* di 44,000 kilometer persegi. Kita pasang lebih daripada 2,000 *camera traps* dan lebih daripada 3 juta gambar. Kita analisis dan kita dapati bahawa kita punya Harimau Malaya ini lebih kurang— kurang daripada 150 ekor— dalam hutanlah. Dulunya, 30-40 tahun lepas, kita ada banyaklah. So, ramai orang tertanya-tanya, kenapa kan? Jadi, sebab macam tadilah. Habitat mengecil, orang pasang jerat, orang memburu sebab dia ada nilai harga yang tinggi tetapi bukan harimau sajalah. Seladang pun dah menurun. Babi masuk hutan pun dah menurun disebabkan oleh *African-swine flu* ini. Yang banyaknya, kera pula dah. Kera makin bertambah, kan?

So bagaimanapun, ia khazanah negaralah yang perlu kita jagalah dan kita, PERHILITAN, kita ada cara pengurusan macam mana kita nak menangani masalah dan isu-isu ini. Jadi, kalau kita tengok, punca konflik hidupan liar-manusia ini, macam saya cakap tadilah. Gangguan habitat asal, pembukaan hutan, peningkatan populasi manusia, pembangunan yang tidak terancang dan juga pemburuan haram. Saya juga hendak beritahu Tuan Pengerusi— Yang Berhormat Tuan Pengerusi, harimau kita ini di tempat lain dah tak banyak dah. Macam di *Cambodia*, Vietnam, dia— hidupan dia tak ada dah. Habis dah. Sebab dia turun ke mari. Dia nak cari kita punya hidupan liar. Kita masih banyak lagi.

Samalah juga dengan gaharu. Pokok gaharu, tempat dia orang dah tak ada dah. Kita ini antara yang terbaiklah dan pengalaman saya, kalau kita soal siasat penceroboh-penceroboh daripada Vietnam, *Cambodia*, semua dia kata, kualiti gaharu yang terbaik adalah di Terengganu. Dia punya— dia kira *top* lah.

■1120

Kemudian, Pahang, Kelantanlah, yang boleh satu kilo boleh cecah sampai RM20,000 sekilo. Super A punya gred.

Tuan Pengerusi: Tadi yang disebut Harimau Malaya ada berapa tadi? 100?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kurang daripada 150 ekor.

Tuan Pengerusi: Harimau Malaya tadi?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Harimau Malaya.

Tuan Pengerusi: Harimau Malaya ini dia cuma merujuk kepada harimau spesies yang ada di sini...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Yang ada di Semenanjung Malaysia sahaja.

Tuan Pengerusi: Di Malaysia sahaja.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Di sebelah Thailand, Myanmar, dia Indo-Chinese. Sumatera, *Sumatran Tiger*. Dia adalah beza dari segi morfologi itu. Dia ada beza. Kemudian, *Caspian Tiger*, *Siberian Tiger* apa semua itu. Itu besar-besar punya. Yang kita ini dia *slim* dan dia cergas. Dia cergas. Dia boleh melompat sampai lebih pada— melonjak lebih pada 10 kaki. Okey.

So, kita pergi pada status aduan dan konflik. Okey, *next*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat semua, kalau ada soalan, saya rasa kita boleh terus— sebab, saya tengok pembentangan ini agak tebal. Kalau nanti kita nak undur balik tengok satu-satu itu, saya rasa nanti jadi panjang cerita. Jadi kita buka untuk...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Bersama-sama saya ada saya punya pegawai, Encik Salman, dia *subject matter expert* gajah. Satu-satunya ada dalam Malaysia.

Tuan Pengerusi: Cuma saya nak tanya. Dari segi haiwan liar yang didefinisikan di bawah PERHILITAN ini adalah semata-mata haiwan darat saja?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Buaya pun termasuk juga.

Tuan Pengerusi: Ha, itu saya nak tanya. Sebab di Sarawak, buaya...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kita sini pakai akta, Sarawak pakai ordinan, Sabah pakai enakmen. So, dia lain-lainlah. Ada binatang yang di sebelah Sabah dia biasa saja, dekat sini dia *protected*. Ha, dia macam itu. Kami tidak boleh *enforce* di Sabah Sarawak, dia orang pun tidak boleh *enforce* sini sebab perundangan yang berlainan. Tapi, kerjasama ada. Kerjasama ada.

Kalau kita tengok sini, senarai spesies yang konflik, sebenarnya yang pertama kera, *and then* babi hutan, *and then* gajah, Musang Pulut, beruk, beruang, Harimau Malaya seterusnya sampailah Musang Tenggalung. Ini kita kumpul data selama beberapa tahun, kan? So, inilah yang menyebabkan konflik.

Kera ini, kita tahulah, bila kawasan dia dah dibuka, dia daripada kawasan gambut tepi laut— itu sebenarnya habitat dia itu— dia mula masuk kawasan bandarlah. Lepas itu pula, orang suka bagi makan. Dia kera ini perangai dia bila kita bagi makan banyak, dia beranak banyak. Lepas itu, orang bagi *Kentucky* lah, McD, dia seronok betullah. So, bila orang bawa beg plastik, dia rampas dah. Depan itu dia ada biasanya ada *alpha* dialah. *Alpha* ini biasanya dia punya kepalalah, dia akan tunjuk taring, kan? Kita pun takut. So, itu sama juga dengan beruk dan lain-lain ya.

Seterusnya. Kalau kita ikut aduan konflik mengikut negeri, didahului dengan Selangorlah sebanyak— dalam masa empat tahun ini, sebanyak lebih daripada 13,000 aduanlah. Diikuti dengan Perak dan Johor. Seterusnya yang *last* sekali ialah Perlis. Ini aduan konflik. Okey.

Next.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Saya ada satu soalan.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kalau daripada statistik serangan hidupan liar...

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Maaf ya, ada soalan.

Tuan Pengerusi: Dato', ada soalan daripada YB.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh, boleh, boleh.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Untuk negeri Sabah dan Sarawak, tak termasuk dalam sini?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Yang ini untuk...

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Tapi ada data atau tidak?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Data, saya kena tengok... *[Tidak jelas]*

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Kalau boleh mohon untuk minta masukkan dalam.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Data konflik hidupan liar Sabah dan Sarawak adalah luar bidang kuasa Jabatan PERHILITAN.

Tuan Pengerusi: Dia PERHILITAN, dia *cover* sekali Sabah Sarawak, kan?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Tak. PERHILITAN untuk Semenanjung Malaysia sahaja.

Tuan Pengerusi: Untuk Semenanjung sahaja?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Ya.

Tuan Pengerusi: Di Sabah...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dan Labuan. Dan Labuan.

Tuan Pengerusi: Di Sabah Sarawak?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dia lain. Dia ada *Sabah Wildlife*. Dia di bawah enakmen negeri. Sarawak dia ada *Sarawak Forestry Corporation*.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, ya.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Itu yang *in charge* dia.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Datuk Pengerusi, nak tanya. Adakah polisi sekarang ini ialah biarkan sahaja keadaan dikatakan habitat semula jadi binatang liar ini terancam oleh manusia? Sebab itu saya dapat banyak aduan di mana Jabatan PERHILITAN kata mereka tidak akan buat apa-apa melainkan ada nyawa ataupun

orang kampung yang terancam. Saya pun dapat jawapan di Parlimen. Ramai—kalau tidak silap saya, sembilan orang yang beberapa tahun ini telah dipijak mati oleh gajah dan juga baru-baru ini ada laporan juga tentang harimau yang membunuh orang.

Jadi, apakah polisi sekarang? Macam kita wakil rakyat apabila kita dapat aduan, kita kemukakan kepada PERHILITAN, rakyat sangka kerajaan akan ambil tindakan. Tapi, nampaknya polisi sekarang kerana dikatakan kita mencero bohi habitat ini binatang liar, polisi sekarang adalah biarkan. Adakah ini polisi dia?

Juga, saya rasa terutamanya— saya nak juga nyatakan pengalaman saya sendiri ialah Jabatan PERHILITAN kata untuk mengalihkan seekor gajah ini memerlukan perbelanjaan besar, dianggarkan lebih kurang RM50,000 seekor. Jadi, bagi saya, RM50,000 seekor ini bukan perbelanjaan besar. Kalau kita anggap sesuatu kawasan ini hanya katakan 10 ekor sahaja tapi kalau 10 ekor itu, RM500,000 sahaja. Tapi kalau 10 ekor gajah itu berkeliaran di tempat itu, seluruh kawasan itu tidak boleh ditanam dengan baiklah, tanaman dengan baik dan nilai kerugian, bagi saya, ratusan juta kalau keseluruhan kawasan itu mereka takut nak tanam dengan baik.

Dan juga saya nampak di Myanmar dan Thailand, bagaimana mereka boleh menjadikan gajah-gajah macam menjinakkan macam kawan. Bolehkah kita belajar dari sana? Supaya kita manusia ini yang kita kata *is in control of the situation*. *Rather than having a policy, "Inilah lumrahnya"*. So, kita wakil rakyat susah untuk menjawab kepada rakyat apabila PERHILITAN tidak nampak membuat sesuatu. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh ya, YB Pengerusi? Panjang soalan itu. Jadi, panjang juga saya nak menjawab ini.

Dia macam ini. Kita pergi yang pada asas dulu. Dari segi habitat ini, bukan di bawah kuasa PERHILITAN. Dia tak ada kuasa. Setiap aduan, kita akan *attend*, kita akan pergi untuk ini. Tapi kalau dalam satu hari ada tujuh lapan aduan, kita akan pergi satu-satu dululah. Okey, itu yang pertama.

Dari segi tangkapan gajah ya, tangkapan gajah ini, betullah RM50,000. Sekarang sudah jadi RM60,000 lebih dah, sebab mungkin harga barang naik, kan? Jadi, dah RM60,000 lebih. Itu satu. Apabila aduan gajah itu sampai, *team* gajah akan pergi dulu. Kita nak tengok. Tangkap gajah ini bukan sampai, tengok, tembak, pengsan, tarik keluar. Tak ada. Kalau kawasan itu tak ada pokok besar-besar, kita tidak boleh tembak. Kita nak tambat dekat mana? Kalau kawasan itu berlereng, bukit, kalau ditembak, dia pengsan jatuh, patah leher, dia mati ataupun dia masuk dalam sungai. So, jadinya, kita kena tengok keadaan yang sesuai, baru boleh kita ambil tindakan. Dia tak semestinya pergi tengok apa itu—

Tapi, perkara pertama yang kita buat ialah kita buat halau dulu. Halau dulu. Halau dulu, *and then* kita akan hantar orang kita untuk berkawal dan bila keadaan yang sesuai, *then* kita akan tembak *dart*-lah. Bila dia jatuh, *and then* kita akan panggil *team*, baru kita ambil dan kita akan pindah ke kawasan habitat yang lebih luas. Ini banyak berlaku sama ada di Pahang, Terengganu, Johor, Kelantan. Semua ada. Perak, semua adalah.

Dan ini, dia akan memakan masa. Kadang-kadang ada sampai seminggu. Tapi, paling cepat saya pernah tengok dalam rekod kita orang, tiga harilah. Itu *ngam*. Tempat cantik, ada pokok apa semua dan senang masuk dan kita bawa gajah ternak dan kita tarik keluar dan kita pindahlah.

Untuk tangkapan gajah ini, satu *team* ini dia lebih daripada 30 oranglah. Ada *team* penjejak dan pelbagai. So, dia tidak kiralah gajahkah, harimaukah, apakah, kita akan *entertain*, kita akan pergi. Kerakah, kita pergi. Cuma, dari segi kakitangan, dia tidak cukup. Tidak cukup. Saya bagi contoh. Kalau di daerah Petaling— kita ambil Petalinglah, Selangor ini. Satu hari ada 20 ke 25 aduan kera. Jadi, satu hari, kita boleh ambil 10 sahaja. Besok kita pergi. Besok ada lagi. So, kadang-kadang satu tempat ada tiga empat aduan. Kita pergi dan kita itulah.

Tapi kalau nak kata kita tidak ambil tindakan langsung, dia tidak tepat. Kita pergi. Memang kita pergi dan arahan saya memang macam itu. Cuma, kalau daerah-daerah yang ada macam enam orang, tujuh orang, dialah buat gajah, dialah buat harimau, dialah buat kuat kuasa, dialah buat halau kera— tapi di akhirnya ini, saya ada cadangan untuk memohon tambahan kakitanganlah. Sebab, saya yakin dengan pertambahan kakitangan, banyak aduan-aduan fasal konflik ini kita boleh kurangkan. Okey.

Dato' Ngeh Koo Ham: Kalau boleh saya bagi contoh spesifiklah. Tapi, saya juga nyatakan, ini mungkin ada libatkan saya sendiri atau pengalaman saya. Katakan di kawasan Kuala Krai, Chiku dan Gua Musang.

■1130

Kalau mana-mana ladang lapor kepada PERHILITAN, dikatakan ini tempat habitat sedia semula jadi. Jadi, dengan tersiratnya dia menyatakan mungkin skim perladangan tanam pokok balak itu, Kelantan itu salahlah. Maksudnya, tidak ada apa-apa yang dibuat. Jadi, gajah berkeliaran, ia musnahkan apa yang suka. Kadang-kadang tak musnahkan, ia lalu sahaja. Tapi tiba-tiba musnah. Kalau tanam semula, ia akan makan semua pucuk-pucuk, pokok-pokok kecil. Ini bagi saya akan menjejaskan keseluruhan ekonomi, berpuluh-puluh kilometer kawasan itu. Tak ada sesiapa nak tanam lagilah kerana kita tahu PERHILITAN tak akan buat apa-apa. Ini

jawapan dan ini memang hakikatnyalah. Saya bukan sewenang-wenangnya memberikan tuduhan. Sampai hari ini pun itulah polisinya.

Jadi, bagi saya kita mesti ada satu polisi sepadu. Kalau kata kerajaan negeri tak boleh lagi mencerobohi atau memajukan mana-mana tapak hutan. Bagilah satu polisi. Jangan minta orang melabur, kemudian biarkan gajah berkeliaran memusnahkan pula. Jadi, mesejnya mesti satu, tak boleh majukan, jangan majukan. Kalau sudah dimajukan, mesti ada tindakan memastikan tempat itu sesuai atau selamat. PERHILITAN meminta semua ladang-ladang di sana untuk memagarkan dengan pagar elektrik. Bagi saya itu—mohon maaf ya. Bagi saya ini bukan satu cadangan yang munasabah dan boleh menyelesaikan masalah. Kalau seseorang itu buat *electric wiring*—gajah ini sekarang ia pandai. Ia guna satu pokok, runtuhkan sebahagian elektrik dan sudah seluruh tak berfungsi lagi.

Untuk buat pagar elektrik ini, ratusan ribu, mungkin juta. Ia tidak selesaikan masalah di seluruh kawasan. Takkanlah kita nak pagarkan keseluruhan Kuala Krai, Gua Musang dan keseluruhan tempat. Jadi, bagi saya kadang-kadang cadangan ini tak munasabahlah. Jadi, harapan saya ialah kalau PERHILITAN boleh belajar daripada Myanmar-kah, dari Thailand-kah? Jinakkan atau menjadikan gajah-gajah ini kawan, kemudian alihkan ke suatu tempat untuk kita bela mereka pun boleh atau satu tempat yang sesuailah. Tapi saya tadi nyatakan ini ialah apakah polisi sekarang? Polisi sekarang daripada apa yang saya dapat ialah biarkan. Bagi saya ini bukan satu cara. Lagi satu, kita ada Jabatan PERHILITAN, niatnya untuk menyelesaikan masalah binatang liar. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Terima kasih YB. Saya ingat, saya bagi pakar gajah saya jawablah sebab dia terlibat secara langsung di Kuala Krai yang disebutkan tadi.

Encik Salman bin Saaban [Pengarah (Bahagian Kawasan Perlindungan)]: Terima kasih. Yang dihormati YB Pengerusi dan YB yang bertanyalah. Berkaitan dengan isu konflik gajah, terutamanya di Kelantan. Memang orang kata itu macam YB sebut tadi, menyentuh tentang polisi Jabatan PERHILITAN sendiri. Polisi yang macam Dato' KP saya *mentioned* tadi itu, memang kita buat. Maknanya, jika ada isu gangguan dan kalau perlu ditangkap, kita tangkap. Tapi sebolehnya kita tak tangkap fasal satu, kos tinggi dan juga ia takkan dapat menyelesaikan isu di kawasan tersebut. Fasal ia macam ini. Gajah ini ia memerlukan kawasan yang luas antara 100 ke 400 kilometer persegi kawasan keliarannya. Apa yang berlaku, kebanyakan ladang-ladang yang dibuka *specifically* di Kelantan—minta maaf, YB sebut Kelantan tadi itu. Okey, saya *mention* Kelantan. Tidak ada

orang kata itu, *consult* dengan Jabatan PERHILITAN sendirilah dari segi bagaimana nak mengatasi masalah tersebut sebelum benda itu berlaku.

Apa yang terjadi, apabila berlakunya konflik manusia-gajah, baru dilaporkan kepada Jabatan PERHILITAN. Bermaksud, kami tidak dapat *get involve* awal lagi. Macam mana kita hendak *propose* di kawasan mana kawasan koridor gajah itu yang perlu dikekalkan, contohnya. Fasal gajah ini, ia— macam saya pun bersetuju dengan pandangan YB tadi itu, pagar elektrik memang takkan dapat *solve*-kan masalah gajah, fasal gajah ini ia akan bergerak. Ia memerlukan kawasan yang perlu di-*allocate*-kan untuk gajah itu bergerak antara satu tempat ke satu tempat yang lain. Tetapi apa yang berlaku di lapangan, terutamanya apabila berlakunya pembukaan ladang-ladang hutan. Di Kelantan sendiri ada 118 ribu hektar nak buka ladang hutan. Yang orang kata itu— saya bukan nak menyalahkan polisi kerajaan sekarang ini tapi tidak ada *synchronize* antara pembukaan ladang antara Kementerian Perladangan dan juga Kementerian NRECC dari segi menguruskan habitat itu sendiri.

Satu contoh yang jelas sekarang ini, negeri Kelantan sendiri pun masih belum terima Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) disebabkan isu tanah tadi itu. Macam kami di PERHILITAN ini *Federal agency* tetapi dari segi habitat adalah di bawah kerajaan negeri. Apabila kami mencadangkan kata putus daripada peringkat kerajaan negeri, walaupun kita kata nak *allocate*-kan *certain area* untuk kawasan perlindungan contohnya, kawasan ini perlu dikekalkan untuk gajah tapi keputusannya, kerajaan negeri yang membuka kawasan. Jadi, apabila isu itu bangkit, akan nampak PERHILITAN, sedangkan puncanya semua terlibat. Kerajaan negeri terlibat, pejabat tanah terlibat, semua terlibat. Maknanya, tanggungjawab ini kena bersama, bukan hanya kepada Jabatan PERHILITAN.

Jadi, salah satu kaedahnya, kalau mengikut PIRECFS ini ia ada panduan zon pertanian/pemuliharaan di bab tujuh, jilid satu. Kemudian, panduan penyediaan zon riparian. Sama juga, maknanya kawasan-kawasan yang berair ini perlu dikekalkan untuk laluan hidupan liar, bukan hanya gajah, binatang lainlah, harimau, kijang, babi hutan dan sebagainya. Tapi apa yang berlaku di lapangan, selagi mana kawasan itu boleh dibuka. Dibuka untuk ditanam dengan tak kesah *musang king*-kah, kelapa sawit-kah? Ini fakta sebenarnya YB. YB pun tahukan? Jadi, benda ini tak ada *consideration* tentang *wildlife* di kawasan tersebut. Fasal itu di dalam kami punya Pelan Pengurusan Pemuliharaan Gajah 2023-2030 ini memang menuju ke arah *co-existence* sejajar dengan pendekatan di peringkat antarabangsa seperti IUCN dan Asian Elephant Specialist Group.

Coexistence, maknanya kita *no option* sekarang ini. Kita perlu hidup bersama gajah itu. Bukan gajah itu duduk di belakang rumah tetapi maknanya, kita kena

considerate gajah berada di kawasan tersebut dan kita perlu orang kata itu, memahami ia punya ekologi macam mana, keperluan biologinya macam mana? Jadi, benda itu yang perlu dipertimbangkan apabila kita membuka sesuatu kawasanlah. Jadi bermaksud, bukan *coexistence* itu tidak berlakunya konflik. Berlaku konflik tetapi *perception* kita jangan terlalu negatif terhadap binatang itu sendiri. Jadi, apabila kita terlalu negatif, itu yang kita kata gajah tak perlu ada di Malaysia, harimau perlu dibunuh dan sebagainya. Apabila berlakunya kes yang macam ini kan? Jadi maknanya, benda-benda itu perlu dilihat secara holistik, bukan hanya di sebelah pihak sahaja. Fasal kami di PERHILITAN ini bertanggungjawab menjaga hidupan liar. Fasal itu kita bercakap macam ini kan?

Jadi maknanya, kita perlu seimbangkan di antara keperluan biodiversiti negara kita, *heritage* negara kita berbanding dengan keperluan manusia itu sendiri, dari segi pembangunan.

Tuan Pengerusi: Baik, boleh diteruskan?

Dato' Ngeh Koo Ham: Soalan susulan. Jadi, maksudnya sekarang ini ialah polisinya biarkan binatang liar hidup bersama manusia. Bagi saya ini bukan satu penyelesaian kepada masalah penduduk yang mengadu kepada kita. Jadi, persoalan saya ialah kalau gajah ini boleh dipindahkan ke satu habitat yang sesuai. Katakan walaupun kewangan itu satu masalah. Kalau Kerajaan Persekutuan tak boleh berikan. Saya rasa pengusaha-pengusaha akan sudi menyumbang kerana kerugiannya lagi banyak dan ketidaktentuan masa depan mereka dengan gajah sentiasa berkeliaran. Bila-bila mahu musnah sesuka mereka. Itu bukan satu penyelesaian.

Jadi, kalau memang kita nak menjaga binatang liar sama ada gajah-kah, harimau-kah? Kalau kita tak buat sesuatu, akhirnya manusia ini—manusialah, kalau dia terancam, dia akan membunuh binatang-binatang liar ini secara mungkin melalui keracunan, *poisoning*. Jadi, itu pun kita tak nak. Jadi, isu kita hari ini nak bincang ialah satu penyelesaian. Kita nak jaga binatang liar, begitu juga memastikan kalau mana-mana satu kawasan ada penduduk dan mereka mesti rasa selamat dan kalau ada pembangunan, pembangunan itu mestilah berhasil. Jadi, boleh cadangkan penyelesaian tak? Kadang-kadang kita nampak berita *pygmy elephant* dekat Sabah tiba-tiba orang racun, kita jadi marah. Tapi kalau dia mengancam penduduk setempat. Mereka akan buat sesuatu.

■1140

So, soalan saya tadi ialah bagaimanakah Myanmar dan Thailand—mereka lagi banyak gajah daripada kita—bagaimana mereka menyelesaikan masalah ini? *Thank you.*

Encik Salman bin Saaban: Okey ini, YB. Tentang Thailand dan Myanmar ini atau *in fact* di India sekalilah, Indiakah Sri Lanka— di Asia ini, ada 13 buah negara Asia yang ada gajah Asialah. Dia punya *culture* dia itu. Benda itu, *culture* dia daripada turun-temurun. Gajah. *Domesticated elephant* dia di Thailand dan di Myanmar, benda itu diturunkan daripada datuk, ayah, nenek sebagainya. Tetapi, *culture* itu tidak ada di Malaysia. Dulu ada. Dulu ada zaman-zaman apa, zaman British dulu kan, tahun 18 berapa itu, memang ada. Tetapi apabila negara kita ke arah kemajuan, kemodenan, jadi benda itu makin lama makin dilupakan. Tradisi itu dah tak ada. Sekarang ini yang *last* sekali ada seorang itu dah meninggal dah, Pok Him nama dia, di Tanah Merah, Kelantan. Itu *last* sekali mahut yang orang kampung yang jaga gajah sendiri dan kita bagi permit khas untuk dia seorang saja. Selepas itu tak ada. Yang ada di zoo, di pusat santuari kita ada lah.

Jadi maksud itu, kalau nak diperkenalkan benda itu balik, bagi saya okey. Cuma sekarang ini, adakah orang nak berminat nak menjaga gajah? Daripada dia jaga gajah, baik dia pergi menorehkah, buat sawit dan sebagainya. Fasal dia punya pulangan itu lebih cepat. Gajah ini kos dia tinggi sebenarnya. Gajah ini makan lebih kurang dalam 200 kilogram sehari seekor.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Lagi satu, YB, berkenaan dengan yang tadi juga. Kita jabatan PERHILITAN, kita membuat sesuatu. Apa yang kita buat ialah bila ada isu berkenaan dengan konflik, kita nilai dan kita akan tangkap dan kita akan pindahkanlah ke tempat yang sesuai. Contohnya, di sebelah taman negaralah kita akan pindah. Tapi, memerlukan, satunya, kos yang tinggilah. Kita nak hantar ke Taman Negara Terengganu kena pakai rakit apa semua itulah. Tapi, itu apa yang kita buatlah. Mana yang ini, kita—

Kita dah tangkap banyak gajah dah. Kita dah— lebih daripada 1,000 ya? *[Merujuk kepada pegawai]* Lebih daripada 1,000 ekor. Tapi, masih banyak lagi kita akan tangkaplah. Disebabkan oleh pembukaan kawasan habitat dia, so dia tak boleh nak lari mana-mana. So, kita kena inilah. Bila aduan, kita ambillah. Tapi kalau tidak buat sesuatu itu, tidak jugalah, YB. Tapi, cadangan YB itu, kita jabatan PERHILITAN, kita setuju untuk menyelesaikan masalah. Itu sajalah, YB.

Dato' Ngeh Koo Ham: Kita boleh latih, tadi kata mahut yang itu pakar...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: *Mahout*.

Dato' Ngeh Koo Ham: *How you spell?*

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Mahout.

Dato' Ngeh Koo Ham: Yang, yang apa kata...

Encik Salman bin Saaban: *Mahout*, gembala gajah.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Gembala gajah, gembala.

Dato' Ngeh Koo Ham: *Mahout*, gembala gajah ini, bagi saya, PERHILITAN mesti ada satu cabang ada pakar-pakar inilah. Kerana kita PERHILITAN, kita mesti pakar dari apa yang kita buatlah. Kalau boleh, kerajaan boleh latih ini pegawai-pegawai yang— panggil apa tadi? *Sorry*, ma...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Gembalah senang, gembala.

Dato' Ngeh Koo Ham: Gembala gajah ini.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Itu memang dalam perancangan kita. Kita memang ada nak tambah lagi kakitanganlah untuk isu-isu konflik ini. Memang kita akan tambah lagi.

Tuan Pengerusi: Tengok panjang lagi ini taklimat.

Dr. Khairul Naim Adham [Timbalan Setiausaha Bahagian (Seksyen Pengurusan Biodiversiti), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: YB. YB Datuk Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kita baru muka surat 10.

Dr. Khairul Naim Adham: YB Datuk Pengerusi, saya Naim daripada kementerian. Berkaitan contoh tadi, YB, sebenarnya di dalam negara kita sendiri memang dah ada satu contoh yang boleh kita terima pakailah, kerana di Sabah misalnya, menggunakan pendekatan *living landscape approach*. Memang ada satu konflik yang besar melibatkan *Bornean elephants* di kawasan-kawasan perladangan di Sabah.

Salah satu pendekatan yang digunakan adalah melalui satu kerjasama dengan Sabah Softwoods Berhad di mana sejumlah kawasan diperuntukkan bagi koridor gajah. Jadi, apabila disediakan koridor tersebut, gajah tidak mengganggu tanaman-tanaman. Malah *local community* juga mendapat manfaat daripada aktiviti ekopelancongan apabila pelancong ingin melihat *herd of elephant* tersebut.

Jadi sebenarnya, kalau kita lihat dari segi contoh, YB, memang dah ada contoh-contoh kejayaan. Tetapi, dia punya *core issues* adalah macam mana kita nak kekalkan habitat dan koridor yang digunakan oleh gajah tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Boleh terus.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Okey, tak apa. Ini bagi aduan konflik. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Jenis serangan hidupan liar ke atas manusia.

Then, next. Jadi kalau kita tengok dalam masa empat tahun ini, sebenarnya yang paling tinggi ialah ular kapak. Diikuti dengan babi hutan, ular tedung. Gajah itu nombor enam, Harimau Malaya nombor 11. Ini termasuklah kes yang serang di Gua Musang baru ini di Orang Asli (OA), kemudian orang Myanmar dan juga orang Indonesia baru-baru ini. Ini yang paling tinggi ya.

Okey, seterusnya. Kalau dari segi 10 spesies yang terlibat— kita pergi kepada yang terlibat pula yang mati kemalangan jalan raya. Binatang pun mati jalan raya. Yang paling banyak biawaklah. Biawak mati kena langgar kereta, kan? Termasuklah kera, tapir, lotong dan Harimau Malaya. Harimau Malaya baru-baru ini ada mati sekor, tiga empat hari lepas dekat kawasan...

Tuan Pengerusi: Gua Musang.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Gopeng sana itu.

Tuan Pengerusi: Gopeng. Okey, okey.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Belah sana, belah Perak sana itu. Okey.

Okey, ini kita nak tengok serangan hidupan liar ke atas tanaman. [*Merujuk pada paparan di skrin*] Ini statistik kita. Jadi, yang paling banyak ialah tanaman pertanian dan perladanganlah. Kita ada lebih kurang 3,600 kes. Kemudian, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Seterusnya. Kalau kes serangan hidupan liar ke atas tanaman mengikut negeri, yang paling tinggi ialah negeri Johor, diikuti dengan Kelantan, Pulau Pinang dan seterusnya ke Negeri Sembilan. Semuanya ada lebih kurang 6,000 kes.

Seterusnya. Kemudian, kalau kerugian pula akibat serangan hidupan liar ini, paling tinggi untuk tanaman pertanian dan perladanganlah, lebih kurang RM41.7 jutalah. Diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran. So, total semua lebih kurang RM45.3 juta.

Okey, lagi? *Next*. Kemudian, kalau anggaran jumlah kerugian mengikut negeri, yang paling tinggi ialah Kelantanlah, lebih kurang RM21.2 juta, diikuti dengan Pahang, Johor sehinggalah Wilayah Persekutuan. So, *total* semua lebih kurang RM45.2 juta seperti mana tadilah.

Kalau ikut statistik serangan hidupan liar ke atas ternakan pula, kita tengok di sini paling banyak antaranya adalah lain-lain ternakan, kemudian ada lembu, kambing, sarang kelulut, kerbau, anjing, ikan. Ini yang juga serangan.

Cuma saya nak beritahu, baru-baru ini ada juga orang cerita kenapa PERHILITAN jadikan anjing sebagai umpan untuk harimau kumbang. Tapi sebenarnya, anjing itu duduk— dalam perangkap harimau itu, dia ada perangkap kecil. Perangkap kecil itu kita letak anjing. Bukan kita bagi harimau itu makan anjing. Tak. Anjing itu menyalak saja. Dia masuk, okeylah dapat tangkap, kan?

Cuma, di Negeri Sembilan ini, kita ada sesuatu yang menariklah. Kalau harimau kumbang itu dia suka terkam anjing, kita pakai umpan anjing. Memang dapat. Kalau dia suka terkam kambing, kita pakai umpan kambing, dapat. Tapi kalau dia terkam kambing, kita letak anjing, dia tak masuk perangkap. So, kita tengok apa

binatang yang dia suka terkam dan kita letak dalam itu, dia akan masuk. So, kita dah lebih daripada, saya ingat lebih daripada 10 ekor dah kita dapat di kawasan Negeri Sembilan dalam masa dua tahun ini, harimau kumbang ini. So, berjayalah nampaknya. Tapi, di surat khabar ramai kata kenapalah bagi makan anjing, sebenarnya tak. Dia letak— dalam perangkap, ada perangkap kecil. Anjing itu menyalak saja.

Okey, *next*. Ini kalau mengikut negeri, paling banyak kes serangan ternakan Johorlah. Kemudian, *Penang*, Pahang dan seterusnya Perlis.

Seterusnya, anggaran kerugian lebih kurang RM1.7 juta dalam masa empat tahun ini.

Seterusnya. Kalau mengikut negeri, Kelantanlah lebih kurang RM400,000. *And then* Kedah, Pahang dan seterusnya Selangor.

Next. Kalau ikut statistik serangan hidupan liar ke atas harta benda pula, jadi kalau kita tengok, paling banyak adalah harta bendalah. Lain-lain harta benda yang dimaksudkan di sini ialah seperti bangsal, rumah, pagar. Lain daripada itu macam tandas, kantin, kongsi pekerja, pagar elektrik, atap, bumbung, barangan runcit, paip, kemudian diikuti dengan struktur rumah dan lain-lain. So, dia punya— *next*. So, dia punya paling tinggi di Johor juga, diikuti dengan Selangor, Pahang, *Penang* dan seterusnya Negeri Sembilan.

So, next. Kalau paling tinggi kehilangan harta bendalah, saya sebutkan tadi, lebih kurang RM1.2 juta. Kemudian, struktur rumah lebih kurang RM200,000 dan jumlah kerugian paling tinggi ialah Johor— harta benda.

Okay, next. Johor paling tinggi iaitu lebih kurang RM400,000. So, total semua jumlah kerugian lebih kurang RM1.6 juta.

Seterusnya. Okey, ini saya nak tunjukkan kesan-kesan ancaman hidupan liar ini. *[Merujuk pada paparan di skrin]* *Next*. Ini kes-kes harimau kumbang Sungai Siput, Perak tahun 2021. Ini kera *attack*. Kemudian, beruang *attack*. *Next*. Kemudian, ini yang disebut tadi yang di Pahang tadi, Kampung Simoi yang dia mati kena pijak, perempuan. *[Merujuk pada paparan di skrin]*

■1150

Perempuan itu kalau ikut maklumat, dia tu pekak. So, malam itu dia ada tujuh orang. Bila gajah itu langgar rumah, yang lain semua larilah. Lari ke kiri. Jadi bila panggil, dia tak dengar. Dia pergi kanan. Dia pergi kanan tempat kumpulan gajah. Kenalah lah, nak buat macam mana kan? Kita pun— *and then*, Harimau Malaya di Gua Musang tahun 2022 *and then*, gajah di Sinderut itu hari pun kena juga. Jadi, budak muda OA ini hendak buat— Dia kata nak ambil gambar, tengah harilah. Lebih

kurang pukul 10.00, pukul 11.00 lah. Itu waktu gajah berehat itu, 10.00, 11.00 itu. So, mungkin dia terkejut. Dia pijaklah.

Seterusnya, ini melibatkan kemalangan jalan raya di Kuala Berang itu hari. Gajah mati kena langgar *and* di Mersing, Johor. Di Jelevu lagi, tapir kena anggar. *Next*, kemudian di Puncak Alam, Kuala Krai. Kita dalam masa tiga tahun ini saya rasa kalau ikut rekod, dah lebih daripada 40 ekor tapir kena langgar dah, mati dan populasi dia pun dah makin menurun. *And then*, Lebu Raya PLUS ini yang tadilah. Arah Utara ini yang harimau mati. *Next*, kemudian ternakan-ternakan macam di Ulu Tebrau, lembu *and then*, yang ini di Ulu Betis, Negeri Sembilan ini anjing. Harimau kumbang itu bantai anjing. So, kita tahu dia suka anjing, kita pakai umpan anjinglah. So, kita dapat tangkap harimau itu.

Next– and then, tanaman macam yang YB cakap tadi itu, ini di Bukit Tongkat, sawitlah. Di Gua Musang, di Sungai Besar, di Kuala Betis, kawasan-kawasan inilah. Tapi sebenarnya walaupun pagar elektrik itu tidak menyelesaikan segala masalah. Cuma kita kena ingat, pagar elektrik ini kena *maintenance*, *maintenance* ya. *Maintenance* maksud dia, dalam masa dua, tiga musim lagi dia kena potong rumput. Dia tak— kita letak, selesai masalah, tak. Bila ulan itu naik, dia punya *volt* itu dah kurang. Kurang, kurang, kurang, lama-lama tak adalah. Cuma kes yang kata gajah tolak pokok itu, mungkin satu kes je tapi banyak kes, dia tak *maintain*. Bila dia tak *maintain*, tak adalah.

Cuma sekarang ini kita ada— kita menang PERHILITAN bersama dengan Universiti PETRONAS ke. Kita menang buat *alley fence*, *alley fence*. Maknanya, gajah tolak memang tak roboh, tak jatuh. *Maintenance* sangat kurang tapi harga mahal sikitlah. Satu kilometer lebih kurang RM1 juta. Kalau pagar elektrik ini, satu kilometer lebih kurang RM40 ke RM45,000 lah. Tapi *alley fence* itu setakat ini, tak ada lagi pasang tapi kita buat percubaan. Okey, kita ada empat *wire steel* kita letak, memang gajah tolak memang tak— Itu kurang dia punya *maintenance*. Yang itu bagus. Cuma harga dia tinggi sikit. Okey, *next*.

Ini apa yang kita buatlah untuk menangani konflik manusia— hidupan liar ini. Yang pertamanya, kita ada menubuhkan Pusat Konservasi Harimau Malaya (MTCC) di Lanchang sana. Kemudian Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan di Lanchang juga. Kita ada sembilan tindakan strategi bagi konservasi Harimau Malaya. Kemudian kita buat kempen kesedaran awam, kita menubuhkan pusat menyelamatkan di Sungkai. Ini banyak binatang, termasuklah harimau di Sungkai sana. Kemudian kita buat pemantauan dan kawalan apabila mendengar aduan konflik. Kemudian kita buat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perosak Tumbuhan Peringkat Nasional,

kita ada buat. Kemudian kita ada buat penguatkuasaan secara rondaan. Pengawasan di kawasan *hotspots*. Itu dalam Program BP3.

Kemudian, kita menjalankan analisa penyakit seperti *African swine fever* yang mana banyak mati kan? Babi hutan dalam hutan. Pasal kementerian dan orang saya pun buat rondaan dalam hutan. Memang banyak babi hutan bergelimpangan. Tapi satu perkara yang menarik ialah dalam masa tiga, empat bulan ini, kita dah— *trap* kita dapat. Dah ada, babi-babi hutan pun dah ada anak dah. Maknanya, ada pertumbuhan datang. So, kita harap makin banyak. So, dia boleh jadi makanan untuk harimau.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Saya ada satu soalan, Pengerusi.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Hah, boleh.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Di mana asalnya itu penyakit *African swine fever*? Macam mana dia boleh masuk dalam Malaysia?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Apa itu— dia memang bawa daripada Afrika. Tapi yang saya hairannya, dekat tepi bandar tak kena. Dalam hutan kena. Jangkitan virus *African swine fever virus* kepada spesies babi. Penyakit ini juga boleh menjangkiti babi hutan

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Kerana saya difahamkan bahawa di Sarawak, kita ada itu penyakit. Mungkin *African swine fever* tapi saya tak pastilah. Mungkin tahun lepas ataupun dua tahun lepas dan semua itu babi hutan habis. Dari Kapit sampai ke keseluruhanlah. So, itulah saya— dan Sarawak adalah di suatu kepulauan, Pulau Borneo. So, macam mana itu boleh masuk? Mungkin orang bawa.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Saya percaya orang bawa. Tapi dia vektor ini mungkin— meta-meta ini kan? Dia bawa-bawa. Lepas itu kelawar, keluang, musang, dia berjangkit-jangkit. Dia cepat begitu, dia cepat. Kita pun hairan, tak kan orang Afrika masuk dalam hutan kan? Tak ada orang Afrika masuk dalam hutan. Tapi kena *African swine*. So, vektor dia inilah, macam burung, mungkin keluang, mungkin benda-benda yang haiwan-haiwan lainlah. Yang bawa benda itu. Air liur dia jatuh. Makan buah, jatuh. Babi makan, lepas itu kena, berjangkit-jangkit, jangkit mati.

Serupa dengan CDV ini, *Canine Distemper* ini menjangkiti haiwan mamalia khususnya spesies *canine* seperti Harimau Malaya. Benda itu dia ada. Dia gigit, gigit, gigit, jatuh air liur dia dengan buah sekali. Lepas itu, harimau makan ke, jilat apa ke, kena. Atau anjing pun, dia kadang-kadang dia pembawa *Canine Distemper* ini. Dia mungkin duduk di kongsi-kongsi ladang, hutan ke, tepi hutan. Harimau datang makan, kena. Lepas itu berjangkit, berjangkit, berjangkit. Kita dah ada tiga kes dah.

Harimau mati kena *Canine Distemper* setakat hari ini. Ini juga menyebabkan populasi dia menurun jugalah.

Tuan Pengerusi: Datuk, dari segi populasi babi hutan tadi sebab *swine fever* tadi kan? Jadi, memang secara umumnya banyak berkurang. Jadi, Dato' kaitkan dengan babi ini. Sebelum ini, dia jadi makanan kepada...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dia makanan— antara makanan utama untuk Harimau Malaya selain daripada rusa dan kijang. Rusa dan kijang ini kurangnya kut. Biasanya harimau masuk kampung, orang bisung. Rusa dan kijang ini orang tidak bisunglah. Orang diam je. Jadi, dekat nak raya, orang pun memburu, pasang jerat. Jadi...

Seorang Ahli: Populasi dia makin kurangnya?

Tuan Pengerusi: Jadi, bila dia kurang makanan dari segi itu, adakah berlaku peningkatan tertentu? Insiden dia menyerang perkara lain ke?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Saya yakin dan percaya mengikut kajian yang kakitangan, staf saya buat ini. Pertamanya, bila habitat itu mengecil, jadi makanan dia pun berterabur keluar. Harimau pun tak boleh nak cari makan. So, bila dia terdesak, dia akan— kita ada kes di Gua Musang, harimau makan ayam. Biasanya musang yang makan ayam. Harimau tak makan ayam. Ini dia dah tak boleh buat apa. Dia makan ayam, lepas itu orang. Kita tengok, dia dah tak boleh buat apa dah. Dulu dia banyak makanan. Sekarang ini dia dah kurang makanan. So, itu yang menjadi punca dia serang. Tapi biasanya harimau ini, apa-apa binatang pun, dia ada tiga benda je yang dia akan serang manusia. Yang pertama, dia cedera. Yang kedua, dia tua. Dia tak larat dah nak kejar mangsa. Yang ketiga, dia ada anak kecil. Tiga benda je. Kalau tidak, dia tak kacau punya oranglah. Dia tak kacau.

Tuan Pengerusi: Dua tahun atau setahun sebelum ini. Sebelum ada *swine flu* ini, kita kata ini adalah makanan kepada haiwan liar, harimau dan sebagainya. Tapi di dalam kawasan kampung, dalam kawasan bandar pun babi hutan menjadi masalah kepada orang kampung. Jadi, oleh kerana *swine flu* ada sekarang ini, tak ada lah babi kan? Tapi dia apabila masalah ini selesai, katalah berbangkit balik situasi macam itu, bagaimana kaedah kawalan untuk babi hutan ini dalam kawasan-kawasan pendudukan orang ini?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kalau untuk yang tepi-tepi kampung itu, biasanya kita akan pasang perangkap, satu. Yang kedua, kita ada *team* kita untuk tembak babi, halau babilah. Itu je. Dalam hutan kita tak kacaulah.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya nak ini— banyak kita bincangkan isu. Isu harimau, isu ancaman babi tapi kita banyak terima aduan tentang kera. Ancaman kera ini, sangat serius sebenarnya. Sampai rumah

pun dia boleh buka siling, masuk dalam rumah. Pergi ke dapur dan boleh tembak tak?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Untuk itu, kita minta pakar kera, Encik Taufik. Kita ada pakar kera, pakar gajah. Pakar kera pun ada. *[Ketawa]*

Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman [Pengarah (Bahagian Konservasi Hidupan Liar), PERHILITAN]: Terima kasih Dato'. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Jadi, berkait dengan soalan YB tadi berkenaan dengan kera ini. Kera memang kita tak nafikanlah di terutamanya di kawasan-kawasan pemandaran dan juga perkampungan di pinggir hutan. Memang menghadapi isu kera inilah. Kerana kera ini, dia seperti mana yang Dato' Kadir maklumkan awal tadi, kerana dia dah terbiasa dengan sumber makanan yang bukan makanan semula jadi kera ini.

■1200

Macam contoh, kalau di bandar ini, dia akan masuk rumah dapatkan apa-apa makanan yang kita makan dan daripada pengurusan sampah juga. Contoh, tong-tong sampah yang ada sisa makanan. Dari situ juga, dia akan mula biasa dengan makanan bukan semula jadi. Maknanya, makanan manusia tetapi dimakan oleh kera dan ini sebenarnya menyumbang kepada pembiakan dialah.

Jadi, itu yang kita tengok dia— kita panggil dia macam *concentration population* itu di kawasan-kawasan itu yang menyebabkan masalah kera itu tadi. Jadi, kita memang ada tindakan untuk di kawasan-kawasan yang sepatutnya tidak ada kera, bukan kawasan semula jadi itu, kita akan ambil tindakan untuk buat operasi penangkapan dan juga penakaian. Cuma, mungkin Dato' ada inilah *kot*, cadangan yang berkaitan di eksport ini.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dulu, ada lah orang bagi cadangan. Kita buat, apa itu, *castration, castrate*. Okey. Dia *castrate*, memang dia tak boleh bagi anak tetapi dia kacau orang juga. Dia *castrate*, yang lain tak. Yang lain lari, yang lain pula pergi bantai betina. Sama juga. Dan mahal dia punya itu.

So, saya rasa cara yang terbaik ialah kita kena ada pengurusan, macam Encik Salman cakap tadilah, dari segi pengurusan habitat dan lain-lainlah. Kadang-kadang, kera ini dia lalu atas *wire* pun, dia *call*, "*Helo, ada kera*". Rupanya, kera itu daripada hutan itu nak pergi hutan situ saja. Itu banyak. Kita banyak dapat.

Kadang-kadang, kera pun tak ada, dia orang pun *complain*. Kita pernah ada satu kes. Ada satu kakak itu, hari-hari dia *complain*. Kita datang, tak ada kera. Datang, tak ada kera. Selepas itu, kita tanya jiran, "*Apa hal pula tak ada kera?*" "*Oh, dia itu janda*", dia kata. Mungkin dia sunyi, tak ada orang nak borak, so dia panggil PERHILITAN. Jadi, datanglah... *[Ketawa]* Ini cerita betul ini, YB. Cerita betul.

Memang betul. Berlaku dekat Selangor. Kita pun hairan, tak ada kera tetapi hari-hari cakap ada kera. Kita datang, tak ada kera. Itulah cerita dia. So, banyaklah.

Dan ada terjadi pula, kita pergi kawasan elit kan, *team* ini suka kera, *team* ini tak suka kera. So, dah bergaduh dua, kita orang tengah-tengah. Nak tangkap, tak boleh. Tak tangkap, yang ini bising. So, *last-last*, kita orang suruh dia orang *settle* dia orang. Nak tangkap, tak tangkap. Pun ada juga. Macam-macam. Kera ini banyak cerita ini.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Tuan Pengerusi, cuma saya tengok dia punya kaedah yang dibuat oleh PERHILITAN, bila ada aduan, ialah dia pasang perangkap, kemudian ditangkap dan dilepaskan di kawasan lain. Ada beberapa aduan yang saya terima— termasuk kampung sendirilah. Dulu tak pernah ada kera. Bila kera itu dilepaskan di kawasan hutan berdekatan, dia terus masuk kampung. Jadi, banyak tempat yang sebelum ini tak ada kera, sekarang ini dah jadi ancaman.

Walaupun dia dilepaskan dalam kawasan hutan, oleh kerana habitat dia, dia biasa makan makanan manusia, macam disebut oleh Dato' tadi, menyebabkan dia pergi juga ke perumahan walaupun dilepas ke kawasan hutan. Jadi, saya fikir, kaedah perangkap, tangkap dan *release*, lepas dalam hutan ini sebenarnya tidak menyelesaikan masalah. Bahkan, dia akan menambah masalah kepada tempat yang sebelum ini tiada ancaman kera, jadi ancaman.

Jadi, banyak orang *dok* tanya soal— walaupun saya baca artikel, beberapa aduan dibuat, ada kes penduduk yang *report* kerana PERHILITAN menembak kera. Ada aduan. Kemudian, bila tembak, orang mengadu pula kepada pelbagai agensilah kerana tembak kera. Tetapi, penyelesaiannya secara tuntas, saya fikir kalau sekadar tangkap, lepas, dia akan menambah makin banyak sebab proses pembiakan dia cepat. Saya difahamkan dua kali dia beranak setahun, ya? Setahun, dua kali. Sekali beranak, dua tiga ekor. Dia menjadi ancaman seriuslah.

Saya tengok ke depan ini, walaupun kos yang dalam senarai tadi, gajah memang penyumbang besar kepada sektor pertanian tetapi ancaman kepada kehidupan penduduk ini ialah kera. Jadi, ramai orang tanya, kalau kita boleh buat bagi lesen untuk bunuh babi, boleh tak kita keluarkan lesen untuk bunuh kera?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Untuk makluman YB-YB semua, Jabatan PERHILITAN ini, 99 peratus kita tangkap, kita takai. Kita *put to sleep*.

Setakat ini, kita tak adalah arahan keluar, pergi tangkap dan lepas ke tempat lain. Tak ada. Yang itu, mungkin ada— tak tahulah, mana orang kampung buat, saya tak pasti. Memang kita dapat banyak aduan kata ini PERHILITAN tangkap ini, lepas sini. Kita tanya-tanya, memang tak ada. So, kita pun tak tahu. Mungkin ini persendirian punyalah. Tetapi yang kita punya itu, kita tangkap dan kita takai.

Benda-benda ini, kita dah bincang di peringkat NGO dan semua bersetuju. Dia orang yang sayang kera ini, sebab dia tak kena gigit lagi ataupun dia tak cedera lagi. Dia cedera, baru dia seriklah.

So, kalau dari segi kuat kuasa itu, kita ada Pengarah Penguatkuasa. Cerita sedikit pasal untuk lesen itu.

Encik Noor Alif Wira bin Osman [Pengarah (Bahagian Penguatkuasaan)]: Terima kasih, Yang Berbahagia Dato', YB. Sebenarnya kalau misal kata yang tadi kawasan yang YB cakap tentang kera tak ada di kawasan itu tetapi tiba-tiba ada, itu sebenarnya— populasi kera ini, dia secara *natural*, *vacuum*. Dia akan pergi tempat yang tiada— maknanya, kalau misal kata kita dah pindah semua, tiba-tiba kosong kawasan itu, semua makanan ada dekat situ, kumpulan lain akan masuk secara semula jadi.

Jadi, macam Dato' cakap tadi, tak ada pernah pun kita ambil kera, *transfer* pada tempat lain. Tak ada. Kita ambil— kita panggil dia sebagai satu daripada proses semula jadi dia. Maknanya, kita *put to sleep*-lah. Maknanya— nak cerita apa, ya? Kita takailah. Takai ini maknanya kita bunuhlah. Maknanya, kalau dalam *natural* punya *selection* nanti pun, *10 percent* binatang ini akan mati secara semula jadi. Jadi, kita seolah-olahnya macam buat dia secara *natural*. Maknanya, bunuhlah.

Jadi, setakat ini, saya rasa dah lebih— jutalah *kot* kita dah bunuh ini. Kalau orang tahu, rasa saya dekat luar ini, habis ini Jabatan PERHILITAN sebab kita dah banyak bunuh kera. Tetapi, dia membiak lagi banyak. Banyak lagi membiak. Jadi, kita tak boleh buat apa. Sebab, disebabkan kawasan tekanan, kawasan habitat dia dah semakin berkurang, binatang ini dah tak boleh lari mana. Sama juga macam gajah, sama juga macam harimau tadi pun, sama juga. Sebab, tekanan habitat kitalah.

Jadi, itulah salah satu daripada cadangan untuk kita eksport. Eksport kera. Tetapi masalahnya, kita nak mengeksport kera, kita ada kekangan dari segi NGO yang membantah di Parlimen. Di Parlimen juga, dulu kita cuba eksport kera untuk kita *transfer* masalah ini ke negara lain. Kita tak boleh buat *because* NGO yang kita panggil '*Animal Rights*' ini semua *banned*. Jadi, pada masa itu, bantahan daripada Parlimen dan keputusan Kabinet memutuskan bahawa kita *banned* eksport kera, sehingga sekarang ini.

Jadi, kalau ada cadangan untuk buka balik, saya rasa amat baiklah. Baguslah itu, kan?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kita pernah ditanya— sayalah. Ada beberapa orang hendak mencadangkan untuk eksport keralah. Dia kata, dia tahun ketiga, keempat, kerajaan akan dapat untung banyaklah. Sebab itu, dia— saya

panggil dia, BANAS lah. BERNAS, Beras Nasional. Ini, Babi Nasional. Dia nak buat tubuh satu syarikat Babi Nasional, maknanya untuk eksport.

Tetapi, disebabkan oleh kekangan, kita tak boleh buat apalah. Kecuali, bersetuju buka balik. Cuma, kita akan dapat tekanan antarabangsalah. Itu sajalah.

Dato' Ngeh Koo Ham: Bagus juga kita tadi sentuh yang sensitif. Itu pun yang sebenarnya saya nak bangkitkan. Kita kalau mahu selesaikan sesuatu, kita tak nak terus terang pun susah kita nak selesaikan.

Jadi, berkenaan dengan kera ini, saya sudah tahu memang banyak yang dimatikan, dengan izinlah, dengan suntikan. Kita mesti bincanglah secara berterus terang. Kalau memang kera ini, kalau juga dimatikan, bolehkah ia jadi satu bahan protein untuk makanan sama ada manusia ke ataupun kepada buaya ke ataupun—satu daripada ekosistem ekonomi. Saya rasa, kita perlu terus teranglah.

Termasuk dulu masa babi hutan jadi masalah kampung-kampung. Saya pun tak faham kenapa kerajaan tak benarkan orang-orang Cina yang makan babi hutan untuk pergi menembak. Dilarang untuk menembak. Pada satu masa dulu, dibenarkan satu *season* atau satu masa yang terhad. Kemudian, tidak dibenarkan langsung. Jadi, orang kampung pun marah juga. Orang Cina nak datang untuk tembak, mereka pun takut mahu tembak kerana dilarang.

Jadi, bagi saya, kalau boleh, ini hal kalau sudah keterlaluan, terlalu banyak binatang liar ini, bolehkah kita uruskan secara menjadikannya sebahagian daripada sistem ekonomi, apa kata, pengeluaran *meat production*?

■1210

Adakah PERHILITAN pernah bincangkan isu ini? Memang saya tahu ada orang penyayang binatang yang akan bantahlah. Tapi kita pun semua makan ayam juga, lembu, babi semua pun binatang yang ada nyawa. Ini bagi saya satu perkara yang mungkin kita boleh bincang secara *frankly and then, come to a solution*. Itu maksud saya.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh, boleh saya setuju itu. Tapi ya lah sebab tekanan antarabangsa. Memang kalau saya tengok, kerajaan dah dapat untung yang banyak. Dia masuk tahun kelima, saya tengok dia punya *projection* itu tahun keempat, ketiga, keempat, kelima, dia dah RM4 juta, RM4 juta, RM5 juta, RM5 juta, RM6 juta, RM6 juta. Kalau pengeksportan kera kan? Sama ada untuk tujuan buat kosmetik, nak *test*, lepas tu— untuk macam-macam. Begitu juga dengan babi pun begitu juga, memang ini— Sebab di luar negara, dia tak nak babi yang- babi hutan ataupun kera yang liar ini, dia nak F3. Dia, anak dia, cucu dia. Ha, dia nak cucu dia. Dia tak nak yang tangkap, hutan dia tak nak. Cucu, dia nak. Cucu dan seterusnya. Dia adalah dia punya syarat-syarat itu kan?

Tapi itulah lagi sekali sebab negara yang banyak kera pun tidak eksport, macam India, China, dia orang tidak eksport. Dan kita pun dapat banyak bantahan daripada NGO-NGO lah. Sebab biasanya kalau luar negara ini, dia pusing, pusing, pusing, pusing dia akan *ban* kelapa sawitlah, itulah dia punya cerita dia. '*Neetttttt*', kelapa sawit. Tapi saya nak beritahu juga, bukan saja kera kita *put to sleep*, kadang-kadang gajah yang menyerang kakitangan, kita akan tembak mati, itu membahayakan. Harimau yang itu hari kita tembak mati di Gua Musang sebab dia nak terkam kita punya renjer. Jadi, tidak boleh, kita kena tembak, tembak mati, kalau nanti— Harimau ini pula masalah dia bila dah *start* makan orang, dia akan makan orang, dia takkan makan benda lain sebab mangsa yang senang.

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai]: Sedap.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Sedap sebab kita makan KFC, McDonalds, daging sedap. Ha, itulah. Lepas itu, dia tidak melawan. Kena sergah, pengsan, ha dah, makan macam itu saja. So, mana-mana yang itu, kita akan tangkap segeralah atau kita akan tembak matilah harimau yang makan orang ini sebab dia akan makan orang juga lepas tu.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Boleh saya nak dapat penjelasan sikit tentang lesen babi tadi? Sekarang ini dia buka balik kah?

Encik Noor Alif Wira bin Osman: Sudah dibuka balik YB, sudah di apa balik. Cuma dia akan diwartakan balik dalam masa terdekat inilah. Sebab hari tu memang betul, kita bagi enam bulan, enam bulan tutup, enam bulan buka. Sekarang ini dia akan boleh sepanjang tahunlah babi hutan. So, tak ada masalah lah.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ngeh Koo Ham: Saya ada satu cadangan. Kalau boleh, babi hutan yang ditembak itu, apa kata *the meat* ya, boleh dijual *cross state* lah kerana kalau Terengganu, Kelantan, tempat di mana orang Islam ramai, tak ada *market* di sana. Bolehlah jual kepada Kuala Lumpur, Penang. Tapi sementara ini tak boleh jual.

Tuan Pengerusi: Tak, sekarang boleh? Sekarang boleh jual.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh, memang boleh jual.

Dato' Ngeh Koo Ham: Saya difahamkan sangat ketat peraturannya dan dia kalau boleh, kita benarkan macam kita angkut ayam dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Kerana macam-macam peraturan dan akan ditangkap oleh PERHILITAN, macam-macam lah. Itu aduan yang saya terima. Sebab itu dulu banyak masalah babi hutan dekat Kelantan dan lain-lain tempat yang mereka majukan tapi tidak boleh buat apa-apa kepada babi hutan itu melainkan dibunuh di sana, bagi kepada anjing yang menangkap babi hutan itu untuk makan saja. Tak ada nilai ekonomi. Kalau tidak,

seekor boleh jual RM200, RM300. Dia ada nilai dialah, ekonomi untuk jual ke tempat di mana ada *market* dialah.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Tangkap itu bukan apa, dia tak ada lesen, kita tangkaplah. Itu lesen pun hasil kepada negara juga kan?

Encik Noor Alif Wira bin Osman: Okey, sebenarnya yang tak boleh itu adalah dia tak ada lesen berniaga. Kalau dia ada lesen berniaga, dia tak ada masalah, dia boleh beli pada mana-mana negeri, tak ada masalah. Dan mungkin yang mengehadkan dia tak boleh rentas negeri adalah dari segi kawalan penyakit. Daripada mana? Daripada Veterinar, Veterinar. Veterinar ini yang mengehadkan benda itu tak boleh. Tapi kalau dari segi PERHILITAN, tak ada masalah.

Dato' Ngeh Koo Ham: Kalau saya nak cadangkanlah, tak perlu ada lesen untuk menjual daging babi hutanlah. Macam kita jual daging ayam pun tidak perlu ada lesen. Sebab itu susah untuk dapat lesen menjual babi hutan dan macam-macam masalah.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dia, okey.

Dato' Ngeh Koo Ham: Asal dia ada— mungkin ada lesen perniagaan sudah cukuplah, macam lesen biasa. Tidak payah lagi ada lesen tertentu, susah dapat, sebab itu dia dapat dibawa dari satu tempat ke satu tempat untuk dijual.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kita memang ada bincang benda itu, fasal lesen-lesen ini. Cuma bila ada lesen, kita boleh *control*. Saya nak beritahu dalam bilik ini, yang banyak menghabiskan hidupan liar ini antaranya orang yang ada lesen memburu babi hutan. Kita dulu, kita pun hairan kenapa orang Melayu ambil lesen babi hutan. Ya lah, boleh memburu. Kalau hari itu dia pergi memburu babi hutan, dari pagi sampai petang tidak ada babi hutan, tiba-tiba kijang melintas. "*Sebab aku lesen babi hutan, aku tak nak tembak kijang...*". Saya rasa tak kot, dia sapu saja kan? Sebab itu dulu ramai orang Melayu, ramai ambil lesen babi hutan. Saya pun hairan apa fasal, rupanya dia nak memburu benda lain. Sebab bila masuk hutan, siapa nak kawal? Jadi, bila ada lesen ini, kita dapat *control* lah, itu saja lah. Tapi cadangan itu mungkin bagus juga kan?

Tapi sebab orang boleh— kalau ada lesen menjual, boleh jual babi hutan ini. Tapi kadang-kadang saya tanya juga yang kawan-kawan saya yang Chinese kan? Dia kata, itu babi bandar lagi sedap, dia kata. Ini babi hutan ada bau sikitlah. Saya tak tahulah, dia cakaplah, saya tak tahulah. *[Ketawa]*

Dato' Azman bin Nasrudin: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Ha, tak ramai tapi ramai yang kata berbau, dia ada bau. Mungkin ada orang sukalah macam...

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Tak apalah. Dari segi lesen, maknanya dah dibuka sepanjang tahunlah, sepanjang tahun. Satu lagi dari segi saya tengok dari pembentangan tadi, keseluruhan kerugian ditanggung akibat konflik manusia dengan binatang ini sangat besar ya, RM10 juta setahun. Terutama dari segi ancaman kepada pertanianlah, sektor pertanian. Selain daripada itu, ancaman kepada kehidupan, saya ingat kawasan perkampungan Orang Asli. Banyak kita dapat aduan penoreh-penoreh getah di Kelantan, kawasan itu yang selalu...

Cuma kita juga berdepan dengan isu untuk kita mengawal. PERHILITAN ini tanggungjawab dia ialah mengawal binatang ini daripada pupus. Itu tanggungjawab dialah. Tetapi bila ada ancaman, dia terpaksa bagi kebenaran untuk dimusnahkan. Jadi, saya tengok konflik ini kalau sekiranya kita tak atasi secara komprehensif, dia akan berlanjutanlah sebab isu ini bukan baru. Isu ini bukan barulah. Isu konflik gajah, saya tengok di Sabah sebagai contoh, sampai peringkat gajah terpaksa dah masuk dalam kawasan FELDA kerana hutan-hutan ditebang. Akhirnya, berlaku bila mana penduduk, petani meracun, diracunkan sawit, dia makan, akhirnya gajah itu banyak yang mati.

Persoalan saya ialah kalau konflik ini tak boleh diatasi secara menyeluruh, dia akan— kita boleh bincang tapi tak ada jalan penyelesaian. Dia tak ada penyelesaian *complete* untuk selesaikan isu ini, tidak boleh. Melainkan terpaksa kita sediakan kawasan habitat dia. Akan tetapi oleh sebab keperluan manusia makin bertambah, ladang terpaksa dibuka, perumahan terpaksa dibuka, akhir konflik ini tidak akan berakhir. Pengalaman di beberapa negara maju, saya tengok akhirnya binatang-binatang ini dia akan dibiarkan hidup bersama dengan masyarakat. Tapi macam di setengah-setengah UK, kita tengok macam rusa itu dah memang dilarang *total* untuk bunuh, akhirnya dia masuk ke perumahan menyebabkan kalau kita tengok di Australia, kangaroo itu dah jadi ancaman kepada manusia. Maknanya, negara-negara maju pun akhirnya penyelesaian dia ialah cari jalan macam mana manusia dengan haiwan ini boleh hidup bersama ya.

Tetapi dalam konteks kita— saya fikir penyelesaian tuntas ini belum ada. Ya, saya tidak nampak jalan. Apa yang di bentang tadi ialah ancaman serius, besar tapi penyelesaiannya ialah kita hanya kawal, jangan dia ganggu ancaman pada pertanian tapi nak selesai tak boleh. Saya tak nampak jalan penyelesaian. Hatta, walaupun kita nak eksport ke keluar, *wallahu'alam* tapi saya tengok dia makin hari makin jadi ancaman. Kawasan-kawasan rekreasi ini macam di Teruntum, itu biasalah di Kuantan. Kawasan Teruntum ini saya sendiri pun ada pengalaman, bila seekor kera datang, dia bagi makan, dia bertempik, habis semua yang atas itu serang anak saya sendiri ya. Jadi, benda itu dia berlaku tiba-tiba dan kita tangkap pun dia akan terus

biak, tak mungkin boleh tangkap semua. Kita tangkap 30 ekor, dia ada 100 ekor. Kemudian dia akan makin bijak. Jadi, penyelesaiannya saya nampak belum ada hingga setakat ini. Ya, *wallahu'alam* mungkin kita boleh tengok cadangan kalau ada sebab Jawatankuasa ini ialah kita akan tengok isu, masalah apa jalan penyelesaian kepada— itu yang kita akan hantar kepada peringkat Parlimenlah. Terima kasih.

■1220

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, saya nak tambah satu. Tadi Dato' Sri Kubang Kerian sudah nyatakan kerugian kita jumlah besar— RM45 juta. Bagi saya, jumlahnya jauh lebih daripada RM45 juta. Mungkin 10 kali ganda. Kerana kerosakan yang dibuat oleh binatang liar ini, orang takut nak tanam lagi. Jadi, kawasan itu tidak boleh digunakan lagi. Begitu juga dengan ketakutan, kalau ada harimaukah, orang takut nak keluar. Itu pun satu kerosakan yang tidak kita nilai dari segi kewangan.

Jadi, bagi saya, kerosakan yang tadi kita jumlahkan itu *the actual loss* tapi yang *potential loss* yang kerana tidak boleh tanam, takut mahu tanam, takut gunakan tapak itu lagi, jumlahnya lebih besar kerana ia berterusan. Jadi maksudnya tanah itu akan dibiarkan dan terabai.

Tuan Pengerusi: Julau.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Satu lagi. Saya ada satu soalan, Pengerusi. Tadi Dato' Sri ada membangkitkan isu macam kera, dia masuk tempat kawasan manusia. Tetapi, saya ada satu pertanyaan, macam mana ekosistem haiwan? Apakah macam— dengan izin, *what is the predator?* Apa haiwan yang makan kera sebelum ini?

Tuan Pengerusi: Kawalan biologi.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: Adakah kita ada satu macam data, *you know*, di mana satu tempat, ada berapa kera? Selepas itu, kita ada lepaskan apakah haiwan yang boleh *control* itu ekosistem.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Ia, YB, kera ini, inggerisnya *long-tailed macaque, crab-eating macaque*. Dia punya habitat ialah di sebelah pantai. Itu asal usul dialah, dia makan ketam. Dia punya *predator*-nya biasa dekat situ ialah harimau dahan. Dalam masa yang sama juga, dia ada penyakit dia turun naik, turun naiklah. So, bila habitatnya dah hilang, dia akan mula masuk ke tepi kawasan kampung, kawasan bandar dan dia punya cara hidupnya pun dah lainlah. Dia dah makan makanan yang orang makan.

So, dia punya *predator* itu pun orang pun pergi buru juga tembak, harimau dahan ini. Harganya mahal. So, dia tak adalah nak mengawal populasi dia. So,

PERHILITAN-lah yang akan mengawal populasi. Mana yang dapat ditangkap, kita pindah, kita tangkap, pindah dan kita *put to sleep*-lah. Itu antara yang kita buatlah. Dan dia beranak banyak. Dia makan banyak, dia akan beranak banyak. Kalau dia makan— di paya gambut semua itu, dia makan tak banyak. So, mungkin dia beranak sekali setahun macam itu sahajalah. So, bila dah berubah, dia akan boleh jadi setahun dua kalilah. So, pemangsanya ialah harimau. Antaranya harimau kumbang dengan harimau dahan.

Boleh kita teruskan? Ada sikit lagi.

Selain daripada itu, kita juga letak satelit pada gajah. Ini apa yang kita buat. So, kita tahu gajah itu ada beberapa tempat kita letak. So, kita *preemptive*-lah. Kalau kita nampak dalam kita punya monitor itu dia ada lagi empat kilometer nak sampai kawasan kampung, dusun, kita dah hantar orang kitalah. Kita pakai *satellite collar*. Kita juga ada bagi papan tanda amaran, *speed breaker* apa semua itu. Tapi, kita pasang yang garisan kuning yang— '*gedek-gedek-gedek*', kan? Tapi, kita beranggapan bila ada benda itu, kereta tak laju. Rupanya kereta lagi laju. Dia nak *test* dia punya *absorber*. Jadi, tak boleh jugalah. Kita pun ada letak papan tanda macam-macam, tapi masih juga berlaku jugalah. Tapi, saya rasa yang paling penting ialah *awareness programs*.

Next. Jadi, ini saya nak tunjuklah. [*Merujuk pada paparan di skrin*] Ini sebenarnya strategi yang Harimau Malaya. Dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Next. Ini kita punya cabaranlah ya. [*Merujuk pada paparan di skrin*] Pertamanya, pembangunan tidak seimbang dan isu guna tanah terutamanya habitat hidupan liar, sepertimana rakan saya bagi tahu tadi.

Kemudian, kita memang ada kekurangan— sangat kurangnya kakitangan dalam pengurusan konflik hidupan liar dan penguatkuasaan dalam hutanlah. Kita bagi contoh kawasan Gua Musang. Kita ada lapan orang sahaja untuk kawasan daripada bandar Pekan Gua Musang nak pergi ke Kuala Betis, terus sampai ke Pos Blau, Pos Sempadik, Pos Gob yang mana kalau kita pergi hari biasa sahaja lebih kurang lapan jam. Kalau hari hujan, mungkin dua harilah. Terlekat bermalam dalam hutan, esok sambung lagi. So, kawasan yang sangat luas. Bukan sahaja di Gua Musang, begitu juga di tempat-tempat yang lain.

Kita dah *calculate* untuk kita mengurangkan aduan untuk satu Semenanjung Malaysia ini, kita memerlukan lebih kurang 3,000 kakitanganlah. Pada hari ini, kita ada 1,300. Kalau kita boleh *up* sampai 3,000, saya yakin aduan-aduan ini akan berkuranganlah dan kita boleh lebih efisien dan akan lebih— untuk mengatasi isu konflik ini.

Kemudian, masalah pencerobohan hutan pun dan pemburuan haram juga begitu. Kemudian, zoonotik pun ada. Macam tadi CDV dengan *African swine fever*. Kemudian, kekurangan pemangsa macam harimau. Untuk harimau, babi, rusa, kijang dah kurang. Ini kita nak beritahu yang 5 Mac itu hari yang kena penyakit CDV. Kemudian dekat Dungun, Awang Besol yang ada dia jilat satu pakcik. Pakcik itu cakap dia ada kuasa harimau, dia kata. Dia pegang ranting satu. Padahal harimau itu dah nak mati dah kena CDV.

Next...

Tuan Pengerusi: Kita tadi kita kata ada 100 ekor harimau.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: 150. Kurang 150.

Tuan Pengerusi: 150. Harimau ini kita ada tanda dia? Satelit.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kita— harimau ini, kita akan— dia punya *identification* dia ialah dia punya belang dekat sini... [*Sambil menunjukkan anggota badan*] Fasal itu kita letak *camera trap* kiri dan kanan. Kepala dia pun dia ada itu. Sebab itu kita tahu harimau yang mati dekat Perak baru ini ialah harimau nombor 60. Sebab, kita buat yang lima tahun itu hari, kan? Itu harimau yang nombor— spesimen nombor 60 mati. So, kita *identify*— sebab, harimau ini kita kena *go by* individu.

So, kita pasang *camera trap* dan kita ada macam-macam lah dengan kita guna kita punya statistik apa benda semua, bincang, itu yang dapat kurang daripada 150 ekor. Tapi, dalam masa yang sama, ada juga berlaku beranak juga. Tapi kita *by* hari ini, kurang lebih 150 ekor. So, untuk ini...

Dr. Noraisah binti Spahat [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancangan Strategik)]: Dato', tadi Dato' kata perlukan— sekarang ada 1,300, dalam 3,000 boleh mengurangkanlah aduan tersebut.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Ya.

Dr. Noraisah binti Spahat: Pada waktu yang sama, tadi Dato' *mentioned* fasal *awareness*. Kita tahu kalau nak tambah staf dekat kerajaan ini *is not easy* lah sebegitu. Jadinya, ada tak program— boleh kategorikan mungkin jangka pendek, jangka sederhana, jangka panjang. *Anything* yang *related* untuk dengan *neighborhood*, contohnya— macam kera tadi itulah. Ada macam kita boleh meningkatkan kemahiran, maksudnya penduduk dekat kawasan setempat itu. Satu. Sebab, saya rasa ada kes yang baru masuk yang macam Encik Alif bagi tahu macam masuk yang *new batch* itu, memang ada. Tapi, saya rasa ada keadaan— macam anak saya sekolah di MRSM Terendak. Saya rasa lima tahun pun dia memang bersahabat dengan monyet, memang kera. Memang kera itu hidup dengan dia selama lima tahun. Tidak ada kecederaan, okeylah.

Jadi, benda macam itu, saya rasa ada satu, mungkin ada kaedah jangka pendek, jangka sederhana. Bergantung pada sektor tersebut.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Ada. Tapi yang paling bagus ialah bila kita ada kakitangan seramai itulah. Memang betul cadangan Dr., tapi yang terbaik bila kita ada 3,000 ini yang ada kad kuat kuasa yang mana boleh— yalah, satu daerah itu kalau ada tujuh orang, dialah yang nak buat gajah, dialah nak buat kera, dialah nak buat harimau, dialah nak buat kuat kuasa. Selepas itu bila orang telefon, pejabat kosonglah.

Ini realiti. Bukan satu daerah. Banyak daerah macam itu. Memang kekurangan kakitangan. Saya pun malu nak sebut tapi itulah benda yang berlaku hakikatnya. So, yalah, kalau kami ada banyak ini juga, macam inilah. Tapi, kita tak akan putus asa. Kita akan buat seberapa yang sebaiklah untuk rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dr. Noraisah binti Spahat: Dato', ada *possible* nak educate masyarakat? Macam contohnya Rukun Tetangga ke... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kita tak pernah buat untuk satu Semenanjunglah tapi ada beberapa kawasan yang kita pernah buat Rukun Tetangga, yang ini, yang ini untuk kalau ada kawalan apa, telefon. Tapi, itu berbalik kepada dekat Damansara apa semua itu. Dua *school thought* macam ini. *[Sambil menunjukkan isyarat tangan]* Kita masuk perangkap ke, banyak nak pindah, eh, tak ada dah. Ada orang buka dah. Selepas itu bila kita tanya, dia kata nak saman PERHILITAN sebab tangkap kera. Selepas itu, yang *team* belah ini, "*Tangkap kera*", dia kata. Kita pun dah, "*Mana satu nak ikut ini?*". Selepas itu, "*Ah, you settle, you bincanglah sama you punya group community, nanti dapat jawapan bagi tahu kita orang.*" Ada beberapa kawasan-kawasan elitlah dekat KL dengan Selangor ini. Itu yang pening kepala. *Then...*

Dato' Ngeh Koo Ham: Datuk Pengerusi, saya nak tambah tanya satu. Memandangkan harimau Malaya ini kita hanya ada 100 lebih yang masih ada di hutan. Kita ada program untuk pembiakan terkawal melalui macam program membiak panda dekat negara China masa dia nak pupus ia ada program memastikan dalam kawalan kita akan membiakkan lebih banyak harimau ini tapi dalam keadaan kita yang mengawal mereka supaya ia tidak terpupus daripada hutan dari Malaysia nanti.

■1230

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Terima kasih YB. Saya pun nak jawab itu tapi kita sedang buat sekarang ini. Kita kerjasama dengan zoo, kita kerjasama

dengan internasional, kita dengan *researcher* kita dalam negeri, kita nak membiakkan harimau ini ke dia punya optimum dia lebih kurang 350 ke 400 ekor iaitu yang kita naklah dengan keadaan hutan yang ada kita sekarang ini. Itu kita buat. Kita buat AI, pelbagai lagilah. Kalau YB pergi kat Sungkai, memang kita ada buat ambil dia punya *sperm*, lepas itu kita—Macam-macam kita buatlah untuk kita menambah populasi. Kita pernah ada beranak itu hari tapi tak lamalah jangka hayat. Dua minggu, mati. So, kita tengah cari punca dia. Kita ada pusat pembiakan kita selain daripada Sungkai, kita ada di Lanchang, *Malaysian Tiger Conservation Centre* yang dilawati oleh Agong dan juga—Agong tapi tak *pi*—dekat Sungkai itu, Sultan Perak pun pergi tengok. Ada, kita memang ada program. Kita sedang buat dan kita harap dia akan berjaya.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Chow Yu Hui [Raub]: Ya Dato', satu soalan ya?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Baik.

Tuan Chow Yu Hui [Raub]: Ya Dato', boleh saya tanya? Kerana secara kebetulan kami boleh nampak minggu ini banyak berita harimau keluar. Satu kena langgar dan di Kelantan ada orang mati akibat serangan harimau. Di Cameron Highlands, mereka pun nampak itu *footprint* Harimau Malaya. So, apa—Adakah ini apa *statement* disampaikan?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: *Alright*. Kalau kita ikut rekod kita ya, daripada tujuh, lapan tahun lepas, benda ini akan terjadi bulan 10, 11, 12, satu, dua. Lepas itu, bulan tiga, dia diam. Bulan 10, dia akan jadi balik. Ini masa dia putus susu. Lepas itu, dia nak ajar anak dia memburu. Begitulah tiap-tiap tahun. Nanti tengok tahun depan ya, bulan 10 dia akan *start*. Ini bulan 10 dia *start* kan? Lagi satu, sebab selain daripada itu, dia punya makanan dah kurang pun dia itulah. Kadang-kadang dia *cross* itu dia nak cari pasangan, nak cari pasangan. Ada juga dia ajar anak dia untuk memburu. Biasa bulan 10, 11, 12, satu, dua. Ini biasa lima bulan. Ini bulan tiga ini, diam. Masuk bulan 10, dia akan balik. Itu dia punya kitaran hidup dia. Gajah senang saja. Gajah bila musim buah, dia turunlah. Itu saja. Biasanya musim buah, dia akan turun. Musim buah, dia akan turun. So, musim buah biasa bulan berapa? Bulan enam, bulan tujuh. Itu waktu dia turunlah itu. Buah-buahan kan? Musang King kah, apakah benda, dia akan turunlah itu. Bila musim, dia akan turun. Harimau, tabiat dia itulah.

Tuan Chow Yu Hui: Tapi—tapi Cameron Highlands cuaca sejuk. Harimau Malaya pun boleh hidup di sana?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh.

Tuan Chow Yu Hui: Bolehlah?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh. Dia ada bulu tebal. Bolehlah, tak ada masalah. Kadang-kadang, dia daripada poin ini dia nak *cross* poin ini, dia naik itu banjaran ataupun dia nak jumpa pasangan dia, dia akan naik itu banjaran. Tapi nasib tak baik, kadang-kadang orang langgarlah. Dia *cross* jalan, orang langgar. Ini pun ada berlaku kat Terengganu ada itu hari, yang baru-baru ini kat Perak. Kadang-kadang macam itulah. Bila suluh mata, dia akan berhenti kan? Kita langgarlah. Bukan harimau sajalah, binatang lain pun sama juga. Dia akan *cross*. Kita sudah potong dia punya habitat, so dia nak pergi cari makan ataupun nak cari pasangan. Selalu itu *natural* dia. *Natural* dia macam itu.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Nak tanya satu soalan saja. Saya ada aduan bukan di kawasan sayalah, di Lipis, di kawasan Kampung Lentang, ancaman gajah pada penduduklah dan sampai ke rumah. Kita dah buat aduan dan PERHILITAN pun dah pergi, dan tengok dalam maklumat dialah. Tapi yang mengganggu itu ada sekor saja, tengah-tengah. Jadi, isu kita ialah aduan dah dibuat atau PERHILITAN pun dah maklum bahawa kami dah ada maklumat. Cuma, proses untuk pemindahan itu dia ambil masa katanya. Peringkat pertama macam disebut tadilah. Peringkat pertama ialah kita halau dulu keluar dan masuk dalam kumpulan dia kerana dia sekor saja. Dia masuk kampung, dia sampai bawah rumah apa semua. Jadi, penduduk sangat takut.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Yang itu dah ada pindah? Belum lagi ya?

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Ya?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dah pindah kan yang itu kah, masih...

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Belum. Belum lagi.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dia macam ini Datuk YB Pengerusi, kita ada— Kita tak banyak *team-team* gajah. Kita ada di Pahang dan di— Yang ada, yang pindah-pindah ada tiga. So, kadang-kadang dalam satu masa ada mungkin lima, enam ekor nak kena pindah. So, dia *settle* ini dulu, ini dulu, ini dulu, ini dulu. Dia macam itulah. Tapi dia akan pindahkan juga. Tapi berbalik kepada tadilah. Tengok kawasan. Kalau kawasan pamah, pokok kecil-kecil saja, kita tak akan tembak punya sebab kita nak— Satu, nak tambat kat mana? Kalau kawasan itu berbukit-bukau, bukit-bukau, tembak kang dia lari, jatuh, mati. Lepas itu, orang *viral*, habis ataupun lari-lari masuk sungai, mati. Dia pengsan kan? So, banyak faktor.

Kita pun nak halau, nak apa pun, SOP kita siang. Daripada 7 pagi hingga 5 petang. Lepas itu, kita tak masuk hutan sebab kita pernah ada orang kena sepak dengan gajah dalam hutan pun ada. Sebab gajah ini bila senja, dia warna dia sama

saja. Senja dengan dia sama saja. Itu kadang-kadang ada orang duduk perut gajah pun ada. Besar kan, dengar bunyi, tengok-tengok gajah. Nasib baik tak kena pijaklah. Benda-benda macam itulah. Tapi sebelum itu saya nak beritahu kita orang inilah. Satu, nak pertambahan kakitangan. Kita punya perolehan BP3 ini kita perlu teruskanlah yang dengan renjer komuniti kan? Kemudian, mematuhi semua projek dan lawatan, kena mematuhi panduan zon pertanianlah. *Next*.

And then, lagi? Ada? Kemudian, buat sesi libat urus. Kemudian, meningkatkan aktiviti kesedaran awam. Kita menyediakan skim bantuan kewangan untuk pekebun-pekebun kecil. *Alhamdulillah*, Kerajaan Madani itu hari ada bagi dalam angka RM10 juta rasanya— Eh, RM10 juta kan? RM10 juta untuk kerosakan tanaman, itu hari masa bentang bajet itu hari, *which is good*-lah. Kita bawah kita untuk mangsa serangan— Tabung mangsa serangan itulah bawah kita. Tapi yang ini, benda itu dah diumumkan tapi mungkin— Kemungkinanlah, kemungkinan bawah MAFI. Kemungkinan bawah MAFI sebab dia pertanian kan?

Next ialah— Lagi, lagi. Jadi— Dan terakhir sekali, kita maknanya habitat ini kita perlu kena kekalkan sebab kita pun tak boleh buat apa, habitat ini *is a state matter*. Kita harap ini bukan harapan terakhir sebagai tempat perlindunganlah untuk Harimau Malaya dan lain-lain hidupan liar. Jadi, saya rasa sokongan daripada semua pihak sama ada di peringkat *Federal, states, corporate*, masyarakat awam, kita dapat sama-sama melindungi hidupan liar yang merupakan khazanah negara yang tak ternilai. Tapi kalau sesuatu, *let's say* untuk jangka masa sederhana panjang, kalau ada satu kawasan yang lebih kurang 10,000 hektar pamah yang tak— yang mungkin tanah terbiar, kita boleh buat pagar dan kita mungkin boleh lepaskan konflik lah macam gajah, tapir, rusa dalam itu. Harimau tak boleh, dia boleh panjat.

Tapi saya nak beritahu Pengerusi, kita ada satu kes. Kita tangkap gajah di Terengganu, kita lepaskan di Perak, Belum sana itu. Lebih kurang sebulan, dia balik semula ke Terengganu. Lebih kurang 300 kilometer lebih dia jalan. Itu kelebihan gajah itu. Dia tak tahulah, antena dia, dia boleh itu. Tapi ada juga yang jadi pemastautin di Perak pun ada. Dia kahwin dengan gajah kat situ, dia duduk situlah. Tapi ada yang balik sendiri pun ada.

Tuan Pengerusi: Dia pakai Waze kut. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Tapi ini cerita macam 10 tahun lepas ini. Tapi dia boleh, dia ada Tuhan bagi kelebihanlah, dia boleh balik semula ke tempat dia. Saya ingat itu saja YB-YB semua. Terima kasih. Kalau ada persoalan lagi, boleh tanya lagi.

Tuan Pengerusi: Baik. Saya ucap terima kasih kepada apa ini, Yang Berbahagia Dato' Kadir dan keseluruhanlah daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Terima kasih. Okey.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham: Tanya satu soalan ya...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh.

Dato' Ngeh Koo Ham: *Last.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Tuan Chow Yu Hui: Dulu kita banyak— Ada berapa lagi Harimau Malaya di sini?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Boleh. Ha? Berapa lagi?

Tuan Chow Yu Hui: Ada berapa lagi...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: *Less than 150 animals in the wild. In the wild.*

Dato' Ngeh Koo Ham: Baru-baru ini...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Itu yang kita nak buat sekarang ini YB. Kita dapat tangkap sebelum kita nak lepaskan esok. Kita dekat di Lanchang itu nanti kita akan— bila dia beranak esok, kita akan liarkan dia. Jadi, selepas itu kita akan pasang kolar, kita nak pantau. Di India dah ada buat tapi yang di Lanchang ini satu-satunya yang kita buat ini dalam— Saya rasa di Asialah, tak ada lagi orang buat, Malaysia buat. Malaysia buat dekat Lanchang. Kalau ada masa boleh pergilah dekat Lanchang.

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Ha?

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dia zoo ini dia banyak *breeding* ada, apa itu— yang dah kacuk ada. *Malayan Tiger* tak, tak banyak. Ada empat zoo saja yang ada *Malayan Tiger*, yang lain *Indochinese Tiger*. Lepas itu, ada yang dah kacuklah, dia dah... Kita nak yang asli lah.

■1240

Dato' Ngeh Koo Ham: Baru-baru ini, Menteri mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan beri bantuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan kalau Kerajaan Negeri Kelantan nak majukan tanah rizab hutan. Tapi, kita tahu Kelantan ini kalau banding dengan negeri yang lain, tak begitu semajulah. Jadi, bagi

saya, tidak begitu adil kalaulah kita masih menetapkan semua tempat dikatakan tempat habitat hidupan liar ini termasuklah jalan-jalan besar kawasan pekan di negeri Kelantan.

Jadi, adakah cadangan untuk memastikan— katakanlah satu jalan yang terbesar daripada Kota Bharu, Kuala Krai, Gua Musang ke Kuala Lumpur, itu satu-satunya jalan utama keluar daripada Kelantan. Bagi saya, kalau itu jalan terbesar, memang kawasan itulah akan dibangunkan. Tapi, kawasan itu juga adalah kita kata tempat merantau ini hidupan liar ini. Kalau kita anggap keseluruhan tempat itu, *we called the passageway*, yang binatang liar ini merintangi, jadi seluruh Kelantan tidak boleh dimajukan kalau kita nak *protect the right of* hidupan liar ini, tempat *you called habitat* and tempat merantau dia. *I don't know what is more accurate word.*

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kawasan keliaran, kawasan keliaran.

Dato' Ngeh Koo Ham: Ha?

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kawasan keliaran.

Dato' Ngeh Koo Ham: Tempat dia berkeliaran ini. Seluruh Kelantan pun tak boleh dimajukan. Bolehkah PERHILITAN memberi nasihat mungkin kepada Menteri tentang— untuk diseimbangkanlah. Takkanlah semua tempat hidupan liar, tempat habitat dan tempat merantau ini *is too large? Too big and too large.*

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Itu saya pun boleh jawablah. Bukan PERHILITAN boleh jawab. Saya pun boleh jawab.

Sebenarnya, untuk makluman Dato', dah ada *spine road* sekarang ini, dia memang dah *reserve* kawasan laluan gajah, laluan binatang di kawasan-kawasan itu. Memang dah ada dah pun. Contohnya, macam di antara Gua Musang dengan Lipis. Kawasan itu memang kawasan hutan tebal. Memang dia dah ada kawasan laluan gajah di bawah itu. Kawasan-kawasan laluan dia memang dia buat jejambat tinggi dan sekarang ini dah ada lah, dah buat pun.

Cuma, saya rasa yang banyak kes macam yang berlaku di Banjaran Titiwangsa antara Gerik dengan— Gerik itu, yang gajah masuk ke kawasan kedai. *Viral* gajah itu. Memang kawasan itu selalu gajah keluar tepi jalan. Kemudian dia pergi ke kedai atau tempat yang R&R. Itu saya rasa dah gajah itu pun macam jinaklah. Jinak. Tapi, orang larilah. Tapi kawasan itu memang dia ada *signboard*-lah kawasan gajah dan sebagainya.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Jangan percaya hidupan liar. Dia liar. Nampak baik je. Datang dekat, libas. Jangan percaya. Cuma yang YB tadi...

Tuan Pengerusi: Jinak-jinak gajah ye.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Kita ada juga cadangan untuk buat mana-mana— untuk menghubungkan habitat ini, kita buat *viaducts*, *animal viaducts*. Jadi, binatang lalu bawah, kereta lalu atas. Dia ada buat di Perak ada, di Pahang ada, di Terengganu pun ada. *Animal viaducts*. Itu untuk menghubungkan habitatlah.

Dato' Ngeh Koo Ham: Binatang liar tak boleh macam manusia. Kita tukar cara hidup kita, kita pindah ke satu tempat lain kalau ini tempat sudah dimajukan. Boleh tak? Maksud saya, kalau...

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim: Dulu saya pernah di-*interview* oleh surat khabar *Star*. Dululah masa mula-mula saya jadi KP 2016. Saya kata selain daripada CFS, kita buat laluan. Maksudnya ladang-ladang kelapa sawit, mungkin dia ada bagi satu laluan untuk hidupan liar untuk dia bergerak meninggalkan kawasan. Ataupun kita buat *animal viaducts*. Kereta lalu atas, binatang boleh lalu bawah. Jadi, dia boleh terus pergi, kan?

Ataupun kita juga boleh buat konsep *Jurassic Park* di mana kita buat pagar yang macam saya cakap 10,000 hektar itu, kita letak itu binatang dekat situ. Satu ketika nanti bila hutan kita dah okey balik, kita lepas baliklah. Dalam itu kita tanamlah makanan-makanan gajah, rumput-rumput, apa semualah. Tapi, dia memerlukan belanja yang besar tapi dia *one-off je*. Kemudian, kita boleh buat *eco-tourism*.

Tuan Pengerusi: YB, yang ini kalau kita nak bincang, satu hari pun tak habis ini. Gajah lagi, harimau lagi. Saya rasa untuk Mesyuarat hari ini, saya rasa kita boleh hentikan sampai di sini sahaja. Okey. Terima kasih. Saya ucap terima kasih kepada semua.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat, kita ada satu lagi mesyuarat yang kita belum selesaikan. Yang nombor tujuh. Yang ada saya tulis dalam *group* itu. Jadi, kita akan tetapkan tarikh nanti untuk panggil mesyuarat untuk kita selesaikan kertas kita berkait dengan nadir bumi ini. Nanti saya maklum baliklah.

Ada satu lagi mesyuarat yang hari itu kita tangguh, yang panggil Fuziah, Lynas. Jadi, supaya kita dapat laporan yang seimbang, kita panggil semua. Okey, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.45 tengah hari]
